# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 18 MEI 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MAFI KENAL PASTI VARIETI PADI BERDAYA TAHAN HADAPI PERUBAHAN CUACA, HM -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | MAFI BERSEDIA TANGANI ISU KRISIS MAKANAN, KOSMO -ONLINE | |
| 3. | MAFI KENAL PASTI JENIS PADI TAHAN LASAK TERHADAP CUACA, SH -ONLINE | |
| 4. | LIMA SYARIKAT SERTAI SMART SBB DI PULAU PINANG, SH -ONLINE | |
| 5. | AKTIFKAN SEMULA MAJLIS KHAS UNTUK TANGANI ISU JAMINAN MAKANAN, HM -ONLINE | |
| 6. | SIN CHEW DAILY -ONLINE | |
| 7. | SAFEGUARDING FOOD SECURITY, NATION, THE STAR -8 | |
| 8. | MAFI KENAL PASTI JENIS PADI TAHAN LASAK TERHADAP CUACA, NASIONAL, SH -8 | |
| 9. | 5 SYARIKAT SERTAI SMART SBB DI PULAU PINANG, NASIONAL, SH -19 | |
| 10. | TANGANI MASALAH JAMINAN BEKALAN, NASIONAL, SH -20 | |
| 11. | AKTIFKAN MAJLIS KHAS TANGANI KRISIS MAKANAN, LOKAL, HM -22 | |
| 12. | COMMUNITY TURNS FOOD WASTE INTO INCOME, NEWS IN BRIEF, NST -12 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 13. | REAPING PROFIT FROM FOOD WASTE, NEWS, THE STAR -2 | |
| 14. | PROCESSING FOOD WASTE TO GENERATE SIDE INCOME, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 | |
| 15. | MODERN FARMING POPULAR WITH YOUNG AGROPRENEURS, NEWS/OPINION, NST -10 | |
| 16. | JAKIM PANGGIL PPIM BANTU SIASATAN, LOKAL, HM -22 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 17. | BELOVED PETS NOW A BURDEN TO SOME, NATION, THE STAR -5 | |
| 18. | ANIMAL RESCUERS: JAIL AND FINE THOSE WHO DUMP THEIR PETS, NATION, THE STAR -5 | |
| 19. | PEKEMAS LAPOR SPRM, PDRM, MUKA DEPAN, UM -1 & 3 | |
| 20. | KARTEL RANCANG TUTUP LADANG AYAM, CATU BEKALAN, MUKA DEPAN, UM -1 & 2 | |
| 21. | 20 NELAYAN VIETNAM DITAHAN DI MERSING, LOKAL, HM -21 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 22. | 20 NELAYAN VIETNAM DICEKUP CEROBOH, TANGKAP HASIL LAUT, DALAM NEGERI, UM -30 | |
| 23. | POTENSI LUMAYAN RUMPAI LAUT, K2, KOSMO -19 | |
| 24. | INDUSTRI RUMPAI LAUT BERPOTENSI DIKEMBANGKAN, K2, KOSMO -20 | |
| 25. | BANTU PERLAHAN PELEPASAN METANA, K2, KOSMO -21 | |
| 26. | TANGKAP BENIH IKAN KELAH TAMPUNG BELANJA SEKOLAH, DALAM NEGERI, UM -30 | LAIN-LAIN |
| 27. | PENGELUARAN DURIAN SASAR HAMPIR 1/2 JUTA TAN, JOHOR NOMBOR SATU, UM -ONLINE | |
| 28. | SIN CHEW DAILY -ONLINE | |
| 29. | 493,397 TAN DURIAN MENJELANG 2025, NEGARA, KOSMO -11 | |
| 30. | DURIAN DURI HITAM HARGA EMAS, MUKA DEPAN, KOSMO -1 | |
| 31. | DURIAN DURI HITAM HARGA KAYANGAN, NEGARA, KOSMO -2 | |
| 32. | BELUM MUSIM LURUH TETAPI SUDAH ADA PELANGGAN YANG MENEMPAH, NEGARA, KOSMO -2 | |
| 33. | HARGA GANDUM CECAH REKOD TERTINGGI BAHARU, BISNES, BH -36 | |
| 34. | APA BARANG YANG TIDAK NAIK, NEGARA, KOSMO -10 | |
| 35. | REZEKI TANGKAP ANAK IKAN, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -21 | |
| 36. | RAKYAT RESAH TEPUNG GANDUM NAIK HARGA, TEPUNG GANDUM NAIK HARGA, SH -15 | |
| 37. | PENIAGA ROTI CANAI, ROTI TEMPAYAN KECILKAN PENGELUARAN, TEPUNG GANDUM NAIK HARGA, SH -15 | |
| 38. | APABILA SEMUA BARANG NAIK HARGA, SUARA SINAR, SH -16 | |
| 39. | PERANG DI UKRAINE PUN PUNCA MUSANG KING NAIK HARGA, SUARA SINAR, SH -16 | |
| 40. | PENIAGA GUNA TANDA HARGA MENGELIRUKAN, MUKA DEPAN, BH -1 | |
| 41. | PENIAGA TAK LETAK TANDA HARGA AYAM STANDART, NASIONAL, BH -2 | |
| 42. | KERAJAAN SENTIASA SEDIA LANGKAH ATASI BEBAN RAKYAT, NASIONAL, BH -2 | |
| 43. | KERAJAAN DISARAN AKTIF SEMULA MAJLIS KHAS, NASIONAL, BH -3 | |
| 44. | PERUNCIT RESAH BEKALAN TEPUNG SUSUT, LAMBAT, NASIONAL, BH -3 | |

| | | |
|---|---|---|
| 45.<br><br>46.<br>47.<br>48.<br><br>49. | NO RESPITE FOR CONSUMERS AS CHICKEN PRICES CONTINUE TO BREACH CEILING, MUKA DEPAN, NST -1<br>STATES TO INITIATE NRC-STYLE PANELS, NEWS/NATION, NST -2<br>'CEILING PRICE FOR CHICKEN NOT FEASIBLE', NEWS/NATION, NST -4<br>MINISTRY: INDIA'S SUSPENSION OF WHEAT EXPORTS WON'T AFFECT US, NEWS/NATION, NST -4<br>WAR AND HEATWAVE DRIVING UP WHEAT PRICES, NATION, THE STAR -3 | |

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**
**(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# Mafi kenal pasti varieti padi berdaya tahan hadapi perubahan cuaca



Bukit Mertajam: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) sedang mengenal pasti varieti padi yang mempunyai daya tahan tinggi terhadap perubahan cuaca khususnya musim tengkujuh dan kemarau.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, cuaca antara faktor yang perlu dihadapi dalam industri padi dan beras negara.

"Penanaman padi dipengaruhi oleh cuaca sama ada banjir atau kemarau. Oleh itu, kita mempunyai langkah dan penambahbaikan sedia ada untuk mengurangkan pengaruh cuaca terhadap petani tempatan serta industri.

"Dalam hal ini, untuk langkah ke hadapan kita sedang mengenal pasti varieti padi yang tahan dengan perubahan cuaca.

"Pada masa sama, kita turut mempunyai beberapa peruntukan untuk menampung sedikit kerugian yang dialami oleh pesawah ekoran faktor cuaca yang menyebabkan tanaman tidak menjadi," katanya.

Beliau berkata pada sidang media selepas majlis perasmian Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) dan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan dan syarikat peneraju Pulau Pinang di Permatang Nibong, di sini, hari ini.

Terdahulu, Jabatan Meteorologi memaklumkan bahawa Monsun Barat Daya akan berterusan sehingga pertengahan September tahun ini.

Bagi tempoh ini, angin bertiup secara konsisten dari arah barat daya dengan kelembapan udara yang lebih rendah dan keadaan atmosfera stabil.

Ia juga akan menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan dan menyebabkan kebanyakan tempat di seluruh negara akan mengalami bilangan hari tanpa hujan lebih banyak berbanding musim lain serta menghasilkan taburan hujan yang rendah.

Dalam pada itu, ketika ditanya sama ada konsep Smart SBB dapat membantu mengoptimumkan pengeluaran padi ketika berlaku perubahan cuaca, Ronald bekata, kajian dan penambahbaikan itu sudah diambil kerajaan sejak industri bermula sehingga kini.

Mengulas lanjut, Ronald memaklumkan bahawa Smart SBB bermatlamat meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan pendapatan pesawah dengan sasaran jumlah kawasan sawah padi seluas 150,000 hektar di seluruh negara secara berperingkat.

"Sejak diperkenalkan pada 23 Februari tahun lalu, program ini berjaya dilaksanakan di sembilan negeri iaitu Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Perak, Selangor, Terengganu, Sabah dan Sarawak dengan pembabitan sebanyak 19 buah syarikat peneraju.

"Hari ini, lima lagi syarikat peneraju yang baharu menandatangani MoU menjadikan jumlah keseluruhan 24 syarikat terbabit dalam program ini," katanya.

Jelasnya, sehingga Mac lalu , seramai 4,123 orang peserta menyertai program itu dengan jumlah keluasan lebih 10,000 hektar.

Program Smart SBB terbukti berhasil meningkatkan pendapatan dan purata hasil padi sehektar, selain mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/5/2022 | KOSMO | ONLINE | |

# MAFI bersedia tangani isu krisis makanan



SEBERANG PERAI – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersedia dengan beberapa langkah serta penambahbaikan dalam usaha mengurangkan impak cuaca tidak menentu seperti banjir dan kemarau yang dialami oleh pesawah ketika ini sekaligus mengelakkan daripada berlakunya krisis makanan pada masa hadapan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, dalam hal ini, MAFI juga mempunyai peruntukan khas yang boleh diguna pakai untuk menampung sedikit kerugian yang dialami oleh pesawah-pesawah yang berdepan dengan masalah tersebut.

"Begitu juga dengan langkah-langkah ke hadapan yang kita ambil seperti mengenal pasti varieti-varieti (tanaman padi baharu) yang tahan terhadap perubahan cuaca dan ini merupakan kajian serta penambahbaikan yang diambil oleh pihak kementerian ketika ini," katanya kepada pemberita ketika Majlis Perasmian Program Smart Sawah Berskala Besar di Permatang Nibong, Bukit Mertajam di sini hari ini.

Menurutnya, kesan terhadap konflik atau krisis berkaitan makanan ini bukan sahaja dirasai oleh rakyat di negara ini, bahkan juga hampir semua negara turut berdepan dengan isu kekurangan bekalan serta peningkatan kos pengangkutan serta pengeluaran yang menjurus ke arah konflik tersebut.

"Tentu sekali kita mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kesan itu (kekurangan bekalan dan kenaikan harga barang) kepada rakyat Malaysia.

"Bekalan ayam contohnya, kita meletakkan harga siling sebanyak RM8.90, namun, dalam keadaan sedemikian juga, kita terpaksa mengeluarkan subsidi bagi menampung kos pengeluaran yang ditanggung oleh pihak industri," katanya.

Sementara itu, beliau memberitahu, keputusan kerajaan India untuk menghentikan eksport gandum turut memberi kesan kepada Malaysia yang mengimport bahan makanan tersebut dari negara Asia Selatan itu.

"Kita tidak menanam gandum tapi kita ada kapasiti untuk menanam jagung serta tanaman lain untuk keperluan sumber makanan negara," katanya. – KOSMO! ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# MAFI kenal pasti jenis padi tahan lasak terhadap cuaca



Ronald (dua dari kiri) merasmikan Program SMART SBB di Koperasi Kerjaya Permatang Nibong pada Selasa.

BUKIT MERTAJAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengenal pasti jenis padi yang lebih tahan lasak terhadap keadaan cuaca Monsun Barat Daya dalam usaha memastikan bekalan padi mencukupi di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, penanaman padi amat berkait rapat dengan pengaruh cuaca dan kementerian melalui Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) telah bersedia dengan langkah yang akan diambil.

Menurutnya, penambahbaikan langkah-langkah akan diambil oleh IADA, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi mengurangkan kesan kepada bekalan padi ketika musim banjir atau hujan lebat.

"Faktor cuaca antara perkara yang kita perlu hadapi dalam industri padi dan beras negara kerana tanaman ini amat berkait rapat dengan pengaruh cuaca terutamanya banjir serta kemarau.

"Selain bersedia dengan langkah-langkah penambahbaikan untuk mengurangkan kesan terhadap hasil tanaman, kementerian juga mempunyai beberapa peruntukan dana untuk menampung sedikit kerugian yang dialami pesawah.

"Selain itu, kita juga akan mengenal pasti variati-variati padi yang lebih tahan terhadap perubahan cuaca. Kita sudah bersedia dengan beberapa langkah serta penambahbaikan dalam usaha mengurangkan impak cuaca tidak menentu sekali gus mengelakkan daripada berlakunya krisis makanan pada masa hadapan," katanya.

Ronald sebelum itu merasmikan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dan Sesi Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara kerajaan dan kelima-lima syarikat peneraju Pulau Pinang di Koperasi Kerjaya Permatang Nibong pada Selasa.

Mengulas lanjut, beliau berkata, selain Malaysia, kesan terhadap konflik atau krisis berkaitan makanan turut dirasai oleh hampir semua negara.

Isu ketidakcukupan makanan di peringkat isi rumah kini kebimbangan utama negara

"Krisis ini termasuk kekurangan bekalan serta peningkatan kos pengangkutan selain pengeluaran yang menjurus ke arah konflik tersebut. Tentu sekali kita mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kesan itu (kekurangan bekalan dan kenaikan harga barang) kepada rakyat Malaysia.

"Bekalan ayam contohnya, kita meletakkan harga siling sebanyak RM8.90, namun dalam keadaan sedemikian, kita juga terpaksa mengeluarkan subsidi bagi menampung kos pengeluaran yang ditanggung pihak industri," ujarnya.

Tambahnya, Malaysia mempunyai cara tersendiri dalam menguruskan impak serta kesan daripada kenaikan kos harga bahan makanan yang sedang berlaku.

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi memaklumkan bahawa Monsun Barat Daya dijangka bermula Sabtu lalu akan berterusan sehingga pertengahan September tahun ini.

Bagi tempoh ini, angin bertiup secara konsisten dari arah barat daya dengan kelembapan udara yang lebih rendah dan keadaan atmosfera stabil.

Ia juga akan menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan dan menyebabkan kebanyakan tempat di seluruh negara akan mengalami bilangan hari tanpa hujan lebih banyak berbanding musim lain serta menghasilkan taburan hujan yang rendah.

Dalam perkembangan lain, Ronald berkata, keputusan kerajaan India untuk menghentikan eksport gandum turut memberi kesan kepada Malaysia yang mengimport bahan makanan tersebut dari negara Asia Selatan itu.

"Sudah tentu semua pengimport akan mencari alternatif atau sumber gandum dari negara lain. Kita tidak menanam gandum tapi kita ada kapasiti untuk menanam jagung serta tanaman lain untuk keperluan sumber makanan negara.

"Masalah ini (penghentian eksport gandum) sedang diurus oleh pihak yang berkenaan walaupun terpaksa berdepan peningkatan pelbagai kos berkaitan ketika ini," katanya.

Pengeluar gandum kedua terbesar dunia, India menghentikan pengeluaran atau eksport gandum berkuat kuasa serta merta bermula Sabtu.

Perkara itu dimaklumkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Persekutuan susulan gelombang haba disebabkan cuaca panas yang menjejaskan hasil tanaman sehingga turut meningkatkan harga tempatan yang mencecah rekod tertinggi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Lima syarikat sertai SMART SBB di Pulau Pinang




Ronald (dua dari kiri) merasmikan Program SMART SBB untuk Pulau Pinang di Koperasi Kerjaya Permatang Nibong, Seberang Perai Tengah pada Selasa.

BUKIT MERTAJAM - Lima syarikat peneraju di Pulau Pinang menyertai Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) untuk meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan pendapatan pesawah.

Lima syarikat tersebut adalah Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad; Koperasi Jalan Sempadan Nibong Tebal Berhad; Koperasi Kelompok Padi Jalan Baru Nibong Tebal Berhad, Kilang Beras Siong Heng Sdn Bhd dan OBL Maju Sdn Bhd.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Program SMART SBB merupakan inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membangunkan kawasan-kawasan penanaman padi dengan mengoptimumkan penggunaan tanah, meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil padi.

Menurutnya, program itu juga bermatlamat meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan pendapatan pesawah dengan sasaran jumlah kawasan sawah padi seluas 150,000 hektar di seluruh negara secara berperingkat.

Katanya, Program SMART SBB di Pulau Pinang yang melibatkan keluasan kawasan 942 hektar dan 420 orang pesawah yang akan dilaksanakan di bawah seliaan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang.

Ronald menandatangani plat untuk kelima-lima syarikat peneraju yang terlibat dalam Program SMART SBB Pulau Pinang.




"Saya yakin, kolaborasi strategik antara MAFI bersama koperasi dan syarikat peneraju akan menjadi titik permulaan kepada perubahan landskap industri padi dan beras tempatan di Pulau Pinang.

"MAFI telah memperkenalkan pelbagai program dan inisiatif termasuk program SMART SBB bagi meningkatkan nilai tambah, membangunkan subsektor padi dan beras negara sekali gus memastikan bekalan makanan negara mencukupi sepanjang masa.

"Program SMART SBB juga merupakan salah satu pendekatan baharu untuk menarik lebih ramai pihak swasta sebagai rakan kongsi kerajaan bagi menjadikan subsektor padi dan beras negara lebih dinamik dan berdaya saing.

“Penyertaan pesawah dalam Program SMART SBB adalah secara sukarela, tiada sebarang bentuk paksaan mahu pun pengambilan balik tanah dilakukan," katanya.

Ronald sebelum itu merasmikan Program SMART SBB dan Sesi Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara kerajaan dan kelima-lima syarikat peneraju Pulau Pinang di Koperasi Kerjaya Permatang Nibong di sini pada Selasa.

MOU tersebut menjadikan jumlah keseluruhan penglibatan syarikat peneraju dalam Program SMART SBB adalah 24 buah.

Sementara itu katanya, sejak diperkenalkan pada 23 Februari tahun lalu, Program SMART SBB berjaya dilaksanakan di sembilan negeri iaitu Kedah; Kelantan; Pahang; Perlis; Perak; Selangor; Terengganu, Sabah dan Sarawak dengan penglibatan 19 syarikat peneraju.



Ronald (dua dari kiri) melepaskan 3,000 anak ikan ke dalam sawah padi dalam usaha untuk kawalan serangga.

Jelasnya, sehingga Mac tahun ini, seramai 4,123 peserta telah menyertai Program SMART SBB dengan jumlah keluasan lebih 10,000 hektar.

"Program SMART SBB terbukti berjaya meningkatkan pendapatan dan purata hasil padi sehektar selain mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah, seperti yang dilaksanakan di Sekinchan, Selangor.

“Ia melibatkan kawasan seluas 100 hektar dan meningkatkan purata hasil padi daripada 2.5 tan metrik sehektar kepada 8 hingga 10 tan metrik sehektar bagi musim 2/2021 dan musim 1/2022.

"Sementara itu, di Batang Lupar, Sarawak telah merekodkan peningkatan hasil pendapatan daripada 50 peratus sehingga 100 peratus yang memanfaatkan 245 pesawah yang terlibat dengan program ini,” tambahnya.

Program SMART SBB merupakan antara hala tuju baharu industri padi dan beras yang akan terus bantu meningkatkan produktiviti dalam mencapai sasaran 75 peratus Tahap Sara Diri (SSL) negara menjelang 2025 seperti yang digariskan di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) 2021-2030 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12).

Dalam majlis sama, Ronald turut menyampaikan Insentif Projek Peningkatan Hasil Padi kepada enam kelompok dari Pulau Pinang yang merangkumi Insentif Pengurusan Pemuliharaan dan Peningkatan Kesuburan Tanah dengan nilai keseluruhan RM421,400.

Selain itu, beliau turut menyampaikan Insentif Petak Model Pengurusan Kawalan Rumpai & Padi Angin dengan nilai keseluruhan RM266,000.



Ronald (tiga dari kanan) menyampaikan Insentif Pengurusan Pemuliharaan dan Peningkatan Kesuburan Tanah kepada salah seorang penerima.

Tiga usahawan telah menerima geran di bawah Program Pemadanan CUP (Change Upgrade Product) daripada Bahagian Industri Makanan Dan Asas Tani (IMAT), MAFI dengan nilai keseluruhan RM119,500.

Dalam pada itu, Ronald menyaksikan Pertukaran Dokumen Aplikasi Teknologi Hijau Solar Photovoltaic antara Lotus MFZ Green Tech (M) Sdn Bhd dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang.

Katanya, inisiatif Bahagian Pembangunan Industri Padi MAFI memperkenalkan tenaga alternatif 'solar photovoltaic' di semua pejabat IADA serta infrastruktur pengairan iaitu rumah pam utama di kawasan jelapang sebagai usaha penjimatan kos operasi Kerajaan seterusnya menyahut seruan penggunaan teknologi hijau di dalam industri pertanian adalah amat membanggakan.

"Saya berharap agar semua usaha murni kerajaan terus diperkasakan dan mendapat sokongan semua pihak, selari dengan matlamat kerajaan dalam menjamin sekuriti makanan negara sepanjang masa," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# Aktifkan semula majlis khas untuk tangani isu jaminan makanan [METROTV]



Putrajaya: Kerajaan disaran untuk mengaktifkan semula majlis khas bagi menangani masalah jaminan makanan yang pernah ditubuhkan sebelum ini bagi menangani krisis makanan dihadapi.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN) Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, menerusi pengaktifan semula majlis berkenaan, kerajaan boleh meningkatkan hasil pengeluaran dalam negara.

Beliau berkata, krisis makanan yang dihadapi kini adalah isu global yang turut memberi tempias kepada Malaysia.

"Ini adalah masalah global dan Malaysia tidak terkecuali berhadapan dengan masalah bekalan bahan makanan yang agak terjejas selepas pandemik, sektor pengeluaran makanan seperti bahan makanan asas semakin berkurangan.

"Berikutan itu, kita cadangkan kepada kerajaan untuk mengaktifkan semula majlis yang sudah ada sebelum ini, kerana ia dapat meningkatkan hasil pengeluaran dalam negara, seperti bahan makanan kita. Ada (bahan makanan) yang sudah dikeluarkan namun ia belum sampai ke tahap sara diri.

"Disebabkan belum sampai ke tahap itu, kita masih mengimport dan terpaksa membayar dengan harga yang lebih tinggi, seterusnya pengguna terpaksa menanggung beban kerana harga barang makanan yang tinggi," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat MPN di Kementerian Kewangan hari ini.

Muhyiddin berkata, Malaysia berupaya untuk mengeluarkan bahan makanan sendiri namun sektor berkenaan belum diteroka secara meluas.

"Antaranya berkaitan penggunaan teknologi serta bekalan tenaga kerja, ini semua perkara penting dan walaupun ketika endemik pun kita perlu ambil perhatian segera," katanya.

Muhyiddin berkata, pengaktifan semula majlis itu bukannya satu jalan penyelesaian, namun ia boleh menjadi satu daripada langkah menangani masalah agromakanan yang sedang di hadapi di negara ini

"Banyak sebenarnya isu berkaitan pembangunan sektor agromakanan yang boleh diberi tumpuan, sekali gus mendorong pelabur untuk mempertingkatkan sektor pertanian di negara ini dan membantu kita menangani masalah jaminan makanan," katanya.

Pada 8 September 2020, Muhyiddin yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang bersetuju memperakukan cadangan Kerangka Sekuriti Makanan Negara seperti disarankan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO).

Di bawah kerangka berkenaan, empat kluster diwujudkan di bawah tiga kementerian dan satu agensi yang berfungsi mengetengahkan isu dan cadangan penyelesaian berhubung rantaian sistem makanan serta pelaksanaan strategi yang dikenal pasti.

Kluster itu ialah Kluster Ketersediaan di bawah Sekretariat Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kluster Kebolehcapaian di bawah Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dua lagi kluster ialah Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan di bawah Sekretariat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK), Kementerian Kesihatan dan Kluster Kestabilan dan Kemampanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Majlis Keselamatan Negara.



MUHYIDDIN ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Pemulihan Negara di Putrajaya. FOTO Mohd Fadli Hamzah

## 與占波安島民慶佳節

# 羅納建迪派漁民援金

（山打根16日讯）农业食品工业部长拿督斯里罗纳迪日前到山打根的占波安岛Pulau Jambongan）与当地居庆祝开斋节，同时派发多项助金。

罗纳建迪在活动中派发民生活援助金（ESHN）予波安岛的61名渔民。他说，这项援助是首次向当地居民派发，每人每月可得到300令吉补贴。

除了生活援助金，他也分别移交18万4100令吉以及9万1930令吉的支票予当地居民代表，用以提升甘榜巴哈南码头，以及在占波安岛末端建造新码头。

他也表示，当局已拨230万2400令吉，为比鲁兰民提供渔民生活援助金。

罗纳建迪指出，农业及品工业部将在苏谷区内成立域渔民协会，为占波安岛及海地区渔民提供服务，协助们解决所面对的问题。

此外，农业及食品工业也在拜丹和比鲁兰建造迷你场，为当地居民提供存放及售渔获之用途。




罗纳建迪（左三）移交比鲁兰渔民生活援助金的模拟支票予渔民代表。



罗纳建迪为槟州智能大规模稻田计划主持推介礼并签名。（图：马新社）

# 羅納建迪：減低人民受影響層面

# 快速方案應對食物短缺

（大山脚17日讯）农业及食物工业部长拿督斯罗纳建迪说，政府在目前多种农业产品短缺引发价格上涨，进而造成人民受影响的问题上，已采取适当的行动减低人民受影响的层面。

他说，政府对食物来源短缺抱着敏感的态度，并采取快速的应对方案。

他举鸡肉为例，目前的鸡肉顶价为每公斤8令吉90仙，而政府就通过 给厂方津贴填补生产成本。

罗纳建迪今日在柏马当尼蒙进行的智能大规模稻田计划（SMART SBB）推介礼，以及大马政府与槟州开拓公司签署备忘录后的新闻发布会上，被记者询及时下农业相关食源短缺造成物价上涨的课题时，这么说。

询及印度禁小麦出口全球造成粮食供应更趋紧张课题时，他说，政府目前正着手处理此问题，并寻找其他的替代来源。

罗纳建迪在较早前致词时说，智能大规模稻田计划是政府透过农业及食物工业部发展稻米种植区，提升稻米种植与生产，旨在把全国总面积15万公顷的稻田，分阶段提升产量及稻农的收入，而此计划奏效之余，更减低了对中间人的依赖。

他说，今次在槟州推行的智能大规模稻田计划，在槟州农业综合发展区（IADA）的协调下，涉及的稻田共942公顷、420名稻农。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | THE STAR | NATION | 8 |

# Safeguarding food security

## Govt doing its utmost to increase rice productivity and farmers' income



**Smart approach:** A company official showing how drones are used for the Smart Padi Field programme in Permatang Nibong, Bukit Mertajam. – ZHAFARAN NASIB/The Star

**BUKIT MERTAJAM:** Despite Penang's land scarcity and water issues, the government is doing everything within its power to help cushion the impact of the pandemic for the state's padi farmers.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said his ministry has launched the Large-Scale Smart Padi Field programme (Smart SBB) in Penang in an effort to safeguard food security while developing land for padi cultivation.

He said the smart public-private partnership aims to increase the productivity of rice and the income of farmers. A target of 150,000ha of padi fields across the country has been set.

"This programme is an initiative by the Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi) to develop padi planting areas by optimising the use of land and to increase the efficiency of padi planting activity and its output.

"This will be beneficial in terms of increasing rice productivity and farmers' incomes – with a target to implement the programme in an area spanning 150,000ha gradually," he said.

Earlier, Ronald witnessed the signing of a memorandum of understanding (MOU) between five leading companies and the Federal Government to develop 942ha of padi fields in Penang.

A total of 420 farmers will be involved in the programme, which will be supervised by the state Integrated Agriculture Development Authority (IADA).

The public-private strategic partnership, which started in February last year, has successfully been implemented in Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Perak, Selangor, Terengganu, Sabah and Sarawak with 19 companies participating in the programme.

A total of 24 outfits are now involved in the programme, including five companies in Penang. On the issue of food stock shortage such as wheat and other agricultural products, Ronald said the government will identify several alternatives such as importing these items into the country as a means to overcome the impending food crisis.

He said the rising costs of transportation and production, caused by foreign conflict, was affecting other countries as well.

"For sure we have taken several measures to reduce the impact on the people. For example, we have set the ceiling price of chicken at RM8.90 and the government has to subsidise production costs borne by the industry.

"The government is concerned about and is sensitive to the impact suffered by the people and has taken proactive action to ensure that the country's food supply is sustainable.

"We are not alone in facing this situation but the only thing that differentiates us from the rest of the world is how we manage the impact of the rising costs and make sure that our food supply is sufficient," he said.

When asked about the Indian government's decision to stop exporting its wheat, Ronald said India did so in the interest of its country.

"To overcome wheat shortage, the government is looking at other alternative sources."

He said although the country did not grow wheat, it has the capacity to grow corn and other crops to cope with the shortage of wheat.




| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 3 |

# MAFI kenal pasti jenis padi tahan lasak terhadap cuaca

**BUKIT MERTAJAM** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengenal pasti jenis padi yang lebih tahan lasak terhadap keadaan cuaca Monsun Barat Daya dalam usaha memastikan bekalan padi mencukupi di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, penanaman padi amat berkait rapat dengan pengaruh cuaca dan kementerian melalui Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) telah bersedia dengan langkah yang akan diambil.



RONALD KIANDEE

Menurutnya, penambahbaikan langkah-langkah akan diambil oleh IADA, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi mengurangkan kesan kepada bekalan padi ketika musim banjir atau hujan lebat.

"Selain bersedia dengan langkah-langkah penambahbaikan untuk mengurangkan kesan terhadap hasil tanaman, kementerian juga mempunyai beberapa peruntukan dana untuk menampung sedikit kerugian yang dialami pesawah.

"Selain itu, kita juga akan mengenal pasti variati-variati padi yang lebih tahan terhadap perubahan cuaca. Kita sudah bersedia dengan beberapa langkah serta penambahbaikan dalam usaha mengurangkan impak cuaca tidak menentu sekali gus mengelakkan daripada berlakunya krisis makanan pada masa hadapan," katanya.

Tambahnya, Malaysia mempunyai cara tersendiri dalam menguruskan impak serta kesan daripada kenaikan kos harga bahan makanan yang sedang berlaku.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 19 |



Ronald menandatangani plat untuk kelima-lima syarikat peneraju yang terlibat dalam Program SMART SBB Pulau Pinang.




Ronald (tiga dari kanan) menyampaikan insentif Pengurusan Pemuliharaan dan Peningkatan Kesuburan Tanah kepada salah seorang penerima.

Tingkat produktiviti hasil pengeluaran padi dan pendapatan pesawah

# 5 syarikat sertai SMART SBB di Pulau Pinang

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

**BUKIT MERTAJAM**

Lima syarikat peneraju di Pulau Pinang menyertai Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) untuk meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan pendapatan pesawah.

Lima syarikat tersebut adalah Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad; Koperasi Jalan Sempadan Nibong Tebal Berhad; Koperasi Kelompok Padi Jalan Baru Nibong Tebal Berhad, Kilang Beras Siong Heng Sdn Bhd dan OBL Maju Sdn Bhd.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Program SMART SBB merupakan inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membangunkan kawasan-kawasan penanaman padi dengan mengoptimumkan penggunaan tanah, meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil padi.

Menurutnya, program itu juga bermatlamat meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan pendapatan pesawah dengan sasaran jumlah kawasan sawah padi seluas 150,000 hektar di seluruh negara secara berperingkat.

Katanya, Program SMART SBB di Pulau Pinang yang melibatkan keluasan kawasan 942 hektar dan 420 orang pesawah yang akan dilaksanakan di bawah seliaan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang.

"Saya yakin kolaborasi strategik antara MAFI bersama koperasi dan syarikat peneraju akan menjadi titik permulaan kepada perubahan landskap industri padi dan beras tempatan di Pulau Pinang.

"MAFI telah memperkenalkan pelbagai program dan inisiatif termasuk program SMART SBB bagi meningkatkan nilai tambah, membangunkan subsektor padi dan beras negara sekali gus memastikan bekalan makanan negara mencukupi sepanjang masa.

"Program SMART SBB juga merupakan salah satu pendekatan baharu untuk menarik lebih ramai pihak swasta sebagai rakan kongsi kerajaan bagi menjadikan subsektor padi dan beras negara lebih dinamik dan berdaya saing.

"Penyertaan pesawah dalam Program SMART SBB adalah secara sukarela, tiada sebarang bentuk paksaan mahu pun pengambilan balik tanah dilakukan," katanya.

Ronald sebelum itu merasmikan Program SMART SBB dan sesi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan dan kelima-lima syarikat peneraju Pulau Pinang di Koperasi Kerjaya Permatang Nibong di sini pada Selasa.

MoU tersebut menjadikan jumlah keseluruhan penglibatan syarikat peneraju dalam Program SMART SBB adalah 24 buah.

**4,123 peserta sertai Program SMART SBB**

Sementara itu katanya, sejak diperkenalkan pada 23 Februari tahun lalu, Program SMART SBB berjaya dilaksana di sembilan negeri iaitu Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Perak, Selangor, Terengganu, Sabah dan Sarawak dengan penglibatan 19 syarikat peneraju.

Jelasnya, sehingga Mac tahun ini, seramai 4,123 peserta telah menyertai Program SMART SBB dengan jumlah keluasan lebih 10,000 hektar.

"Program SMART SBB terbukti berjaya meningkatkan pendapatan dan purata hasil padi sehektar selain mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah, seperti yang dilaksanakan di Sekinchan, Selangor.



Ronald (dua dari kiri) melepaskan 3,000 anak ikan ke dalam sawah padi dalam usaha untuk kawalan serangga.

"Ia melibatkan kawasan seluas 100 hektar dan meningkatkan purata hasil padi daripada 2.5 tan metrik sehektar kepada 8 hingga 10 tan metrik sehektar bagi musim 2/2021 dan musim 1/2022.

"Sementara itu di Batang Lupar, Sarawak telah merekodkan peningkatan hasil pendapatan daripada 50 peratus sehingga 100 peratus yang memanfaatkan 245 pesawah yang terlibat dengan program ini," tambahnya.

Program SMART SBB merupakan antara hala tuju baharu industri padi dan beras yang akan terus bantu meningkatkan produktiviti dalam mencapai sasaran 75 peratus Tahap Sara Diri (SSL) negara menjelang 2025 seperti yang digariskan di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) 2021-2030 dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Dalam majlis sama, Ronald turut menyampaikan Insentif Projek Peningkatan Hasil Padi kepada enam kelompok dari Pulau Pinang yang merangkumi Insentif Pengurusan Pemuliharaan dan Peningkatan Kesuburan Tanah dengan nilai keseluruhan RM421,400.

Selain itu, beliau turut menyampaikan Insentif Petak Model Pengurusan Kawalan Rumpai & Padi Angin dengan nilai keseluruhan RM266,000.

Tiga usahawan telah menerima geran di bawah Program Pemadanan CUP (Change Upgrade Product) daripada Bahagian Industri Makanan Dan Asas Tani (IMAT), MAFI dengan nilai keseluruhan RM119,500.

Dalam pada itu, Ronald menyaksikan Pertukaran Dokumen Aplikasi Teknologi Hijau Solar Photovoltaic antara Lotus MFZ Green Tech (M) Sdn Bhd dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang.

Katanya, inisiatif Bahagian Pembangunan Industri Padi MAFI memperkenalkan tenaga alternatif solar *photovoltaic* di semua pejabat IADA serta infrastruktur pengairan iaitu rumah pam utama di kawasan jelapang sebagai usaha penjimatan kos operasi kerajaan seterusnya menyahut seruan penggunaan teknologi hijau di dalam industri pertanian adalah amat membanggakan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 20 |

# Tangani masalah jaminan makanan

Kerajaan disaran aktifkan semula majlis khas yang diwujudkan dua tahun lalu

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kerajaan disarankan agar mengaktifkan semula majlis khas jaminan makanan bagi meningkatkan hasil pengeluaran dalam negara.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, krisis makanan merupakan isu global yang turut memberi tempias kepada Malaysia.

"Bahan mentah makanan tempatan belum sampai ke peringkat sara diri dan menyebabkan negara terus mengimport bekalan makanan," katanya.

Menurutnya, pengeluaran hasil dalam negara perlu ditingkatkan selagi mana ia berupaya untuk diterokai menggunakan teknologi dan bekalan tenaga kerja.

"Ini semua perkara penting dan saya jangka dalam situasi endemik ini pun, ini yang perlu kita ambil perhatian segera," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MPN di sini pada Selasa.

Beliau berkata, tindakan mengaktifkan semula majlis khas itu juga dilihat sebagai salah satu langkah menangani masalah inflasi walaupun ia bukan penyelesaian penuh.

"Banyak kaitan pembangunan sektor agromakanan yang boleh diberikan lebih tumpuan, sekali gus mendorong pelabur berminat menerokai sektor pertanian tempatan.

"Semua ini boleh bantu tangani masalah jaminan makanan," katanya.



Muhyiddin pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat MPN di Kementerian Kewangan, Putrajaya pada Selasa.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan, Malaysia akan mengalami krisis makanan yang teruk sekiranya pelbagai masalah seperti inflasi, kenaikan harga minyak, cuaca ekstrem, pandemik Covid-19 dan peperangan antara Rusia dan Ukraine terus berlarutan.

Pada 8 September 2020, kerajaan mewujudkan empat kluster sebagai strategi untuk meningkatkan kualiti dan jaminan keselamatan makanan.

Ia merangkumi Kluster Ketersediaan di bawah Sekretariat Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kluster Kebolehcapaian di bawah Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dua lagi kluster ialah Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan di bawah Sekretariat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK), Kementerian Kesihatan serta Kluster Kestabilan dan Kemampanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Majlis Keselamatan Negara.

Keempat-empat kluster berkenaan berfungsi mengetengahkan isu dan cadangan penyelesaian berhubung rantaian sistem makanan dan pelaksanaan strategi yang sudah dikenal pasti.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 22 |

# Aktifkan majlis khas tangani krisis makanan



MUHYIDDIN ketika mempengerusikan mesyuarat MPN. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

**Putrajaya:** Kerajaan disaran supaya mengaktifkan semula majlis khas bagi menangani masalah jaminan makanan.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, majlis berkenaan pernah ditubuhkan sebelum ini bagi menangani krisis makanan dihadapi.

"Menerusi pengaktifan semula majlis berkenaan, kerajaan boleh meningkatkan hasil pengeluaran dalam negara," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MPN di Kementerian Kewangan, semalam.

Beliau berkata, krisis makanan dihadapi kini adalah isu global yang turut memberi tempias kepada Malaysia.

"Ini adalah masalah global dan Malaysia tidak terkecuali berhadapan masalah bekalan bahan makanan yang agak terjejas selepas pandemik, sektor pengeluaran makanan seperti bahan makanan asas semakin berkurangan.

"Berikutan itu, kita cadangkan kepada kerajaan untuk mengaktifkan semula majlis yang sudah ada sebelum ini, kerana ia dapat meningkatkan hasil pengeluaran dalam negara, seperti bahan makanan kita. Ada (bahan makanan) sudah dikeluarkan namun ia belum sampai ke tahap sara diri.

"Disebabkan belum sampai ke tahap itu, kita masih mengimport dan terpaksa membayar dengan harga yang lebih tinggi, seterusnya pengguna terpaksa menanggung beban kerana harga barang makanan yang tinggi," katanya.

Muhyiddin berkata, Malaysia berupaya mengeluarkan bahan makanan sendiri namun sektor berkenaan belum diteroka secara meluas.

"Antaranya berkaitan penggunaan teknologi serta bekalan tenaga kerja, ini semua perkara penting dan walaupun ketika endemik pun kita perlu ambil perhatian segera," katanya.

Muhyiddin berkata, pengaktifan semula majlis itu bukan satu jalan penyelesaian, namun ia boleh menjadi satu daripada langkah menangani masalah agromakanan yang sedang dihadapi Malaysia.

"Banyak sebenarnya isu berkaitan pembangunan sektor agromakanan yang boleh diberi tumpuan, sekali gus mendorong pelabur untuk mempertingkatkan sektor pertanian di negara ini dan membantu menangani masalah jaminan makanan," katanya.

Pada 8 September 2020, Muhyiddin yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang bersetuju memperakukan cadangan Kerangka Sekuriti Makanan Negara seperti disarankan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO).

Di bawah kerangka berkenaan, empat kluster diwujudkan di bawah tiga kementerian dan satu agensi yang berfungsi mengetengahkan isu dan cadangan penyelesaian berhubung rantaian sistem makanan serta pelaksanaan strategi yang dikenal pasti.

Kluster itu ialah Kluster Ketersediaan di bawah Sekretariat Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kluster Kebolehcapaian di bawah Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dua lagi kluster ialah Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan di bawah Sekretariat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK), Kementerian Kesihatan serta Kluster Kestabilan dan Kemampanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Majlis Keselamatan Negara.

ISU LOJI SEMBELIHAN DI AUSTRALIA LANGGAR SOP

# Jakim panggil PPIM bantu siasatan

**Putrajaya:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan memanggil Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) untuk membantu siasatan berhubung isu loji sembelihan di Australia yang didakwa melanggar prosedur operasi standard (SOP) keselamatan makanan, kebersihan dan piawaian halal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad berkata, bantuan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu diperlukan bagi mengumpul maklumat lanjut selepas individu yang membuat dakwaan berkenaan gagal dikesan.

"Ahad lalu, saya mengadakan *Google Meet* dengan Pegawai Halal Atase Jakim di Canberra bersama Ketua Pengarah Jakim untuk mendapatkan penjelasan apa yang berlaku.

"Pegawai kita memberikan penjelasan, malah dia juga sudah hubungi individu itu (pengadu, *The Hood Man*) namun dia tidak menghubungi semula pihak kita di sana dan sehingga kini gagal dihubungi. Kita tidak tahu nama sebenarnya dia dan nama dia bukan Abdullah.

"Jadi, saya pun ada menghubungi pihak PPIM untuk membantu hubungi individu itu supaya tanpil ke depan menceritakan secara terperinci dan telus kepada Jakim supaya kita dapat ambil tindakan jika benar berlaku soal membabitkan integriti atau sebagainya dalam isu halal haram seperti didakwanya," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Aplikasi Digital Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), DiYa di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas perkembangan siasatan terkini mengenai dakwaan seorang bekas pekerja di pusat penyembelihan di Australia yang diiktiraf Jakim melakukan pelbagai pelanggaran pensijilan halal.

Mengulas lanjut isu berkenaan katanya, Jakim tidak akan berkompromi dengan isu membabitkan pelanggaran sijil halal diberikan kepada badan yang menerima pengiktirafan Malaysia dengan terus membuat pemantauan di 15 lagi loji sembelihan di negara terbabit.




"Setakat ini, kita hanya menggantung sementara satu daripada 16 loji sembelihan di Australia hingga siasatan kes ini selesai dan mereka memenuhi apa yang kita kehendaki.

"Jakim juga akan menghubungi pihak sana kerana setakat ini, kita masih belum menerima maklum balas surat tunjuk sebab diberikan Jakim kepada Supreme Islamic *Council of Halal Meat in Australia Inc* (SICHMA) selaku badan pensijilan halal yang bertanggungjawab dalam penyeliaan halal ke atas loji sembelihan itu," katanya.

Sebelum ini media melaporkan, PPIM, Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas) dan Sahaba 99 menggesa Jakim melakukan siasatan segera berhubung dakwaan seorang lelaki yang mendedahkan maklumat pelanggaran SOP di tempatnya bekerja.

**Kumpul maklumat lanjut selepas individu buat dakwaan gagal dikesan**

Pada sidang media diadakan secara langsung dari Sydney, rakaman video menunjukkan beberapa biri-biri direndam sehingga lemas dalam gumpalan darah.

Selain itu, pusat sembelihan itu juga kotor dan terdapat anjing liar di sekitarnya hingga mengundang persoalan mengenai tahap kebersihan di pusat itu.

Lelaki terbabit dikenali sebagai *The Hood Man* itu juga mendakwa diberhentikan kerja 24 jam selain ahli keluarganya turut diugut susulan pendedahan isu itu.

Susulan itu, Jakim menggantung kelulusan loji sembelihan Thomas Foods International Lobethal, Australia berkuat kuasa serta-merta sehingga hasil siasatan menyeluruh diperoleh.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |

# 20 nelayan Vietnam ditahan di Mersing

**Mersing:** Seramai 20 nelayan Vietnam ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selepas menangkap ikan secara haram selain tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah kelmarin.

Pengarah Zon APMM Mersing Komander Maritim Khairul Nizam Misran berkata, sebelum itu mereka dikesan menceroboh perairan negara di kedudukan lebih kurang 7.9 batu nautika dari timur laut Pulau Pemanggil di sini.

Menurutnya, susulan itu APMM dan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 2 yang menjalankan pemeriksaan terhadap dua bot nelayan Vietnam jam 12.30 tengah malam di perairan ini.

Katanya, pemeriksaan mendapati kedua-dua bot berkenaan berisi hasil laut, diesel dan peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai kira-kira RM3 juta.

"Pemeriksaan lanjut terhadap 20 nelayan berkenaan termasuk tekong kedua-dua bot mengesyaki mereka adalah warga Vietnam berusia 16 hingga 52 tahun dan mereka juga gagal mempamerkan pengenalan diri yang sah.

"Kes akan disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dari Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal mempamerkan dokumen pengenalan diri yang sah.



ANTARA nelayan Vietnam yang ditahan.

> *Mereka juga gagal mempamerkan pengenalan diri sah"*
>
> **Khairul Nizam**

"Dua bot bersama peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan dianggarkan seberat 9,000 kilogram dan bekalan diesel lebih kurang 11,500 liter dirampas, manakala 20 kru ditahan seterusnya diiringi masuk ke Jeti APMM Pos Teluk Gading untuk siasatan lanjut," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, APMM mengambil serius dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terbabit dengan aktiviti pencerobohan vesel.

"APMM mengingatkan seluruh komuniti maritim agar sentiasa mematuhi undang-undang dan sekiranya gagal tindakan sewajarnya akan dikenakan tindakan sewajarnya.

"Sebarang aduan jenayah segera hubungi talian kecemasan MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Johor di talian 07-2199404," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | NST | NEWS IN BRIEF | 12 |




*Che Roziani Mohd Shariff checking the Brazilian spinach grown at the Beringin People's Housing Project in Kuala Lumpur yesterday.* BERNAMA PIC

# Community turns food waste into income

**KUALA LUMPUR:** Who would have thought that food waste that we consider to be worthless can actually help generate a source of side income, especially in the face of today's uncertain economic situation?

Armed with the idea, a group of residents at the Beringin People's Housing Project (PPR) here took the initiative to process food waste themselves, to be used as compost to fertilise crops, especially the Brazilian spinach.

Beds of Brazilian spinach grown in community gardens set up in the PPR area are fertilised with compost before the leaves are processed into crispy and delicious chips to be sold in the market.

Beringin PPR Rukun Tetangga (RT) chairperson Che Roziani Mohd Shariff said by using the compost fertiliser, made in compost machines supplied by the local authority, the yield and quality of the vegetable increased by about three times.

"We have been trying to produce Brazilian spinach chips for a long time in efforts to obtain funds for community projects and activities at the PPR."

Che Roziani said the food waste was collected and processed daily using a 60-litre capacity machine that took about 24 hours to generate the compost.

She added that the production of the Brazilian spinach chips also provided an opportunity for single mothers in the housing area to earn extra income, around RM60 a day.

The fertiliser is also used for propagation of other ornamental plants, which are sold at below market price.

She added that the Beringin PPR RT was ready to work with any party to commercialise the production of the fertiliser.

"We have applied to the Agriculture Department to send in this fertiliser for laboratory testing to analyse its content and quality and to be displayed on the package label." **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | THE STAR | NEWS | 2 |

# Reaping profit from food waste

## Compost project helping PPR Beringin community to generate side income

WHO would have thought that food waste could help generate side income for families at low-cost housing schemes?

A group of residents at the Beringin People's Housing Project (PPR) in Kuala Lumpur have taken the initiative to process food waste into compost to fertilise crops.

Beds of Brazilian spinach grown in community gardens set up in the PPR compound are fertilised with compost before the leaves are processed into crispy chips to be sold in the market, thus generating income for the locals.

PPR Beringin Rukun Tetangga (RT) chairman Che Roziani Mohd Shariff said the yield and quality of the Brazilian spinach had increased by three times due to the use of the compost.

"For a long time, we tried to produce crispy Brazilian spinach chips but the results were not encouraging," she said.

"To produce quality chips, of course the main ingredient, the Brazilian spinach itself, must be of high quality."

She said the food waste was collected at a designated location with the cooperation of PPR residents, and it would be processed daily using a 60-litre capacity machine that took about 24 hours to turn the waste into compost.

The production of the Brazilian spinach chips helps single mothers in the area to earn around RM60 a day, she added.

The fertiliser is used for the cultivation of ornamental plants too, including a variety of caladium and coleus plants as well as spider plants sold at below market price.

The PPR Beringin RT also intends to commercialise the production of the fertiliser and is ready to work with any party.

"We have applied to the Agriculture Department to test this fertiliser so that the analysis of its content and quality can be displayed on the package label," said Che Roziani. — Bernama





Che Roziani inspecting the Brazilian spinach grown at the PPR Beringin community garden. (Inset) Food waste processed into compost for plants. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/5/2022 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 4 |



# Processing food waste to generate side income

**KUALA LUMPUR:** Who would have thought that food waste that we consider worthless can help generate a source of side income, especially in the face of today's uncertain economic situation.

A group of residents at the Beringin People's Housing Programme (PHP) here have taken the initiative to process food waste into compost to fertilise crops, especially Brazilian spinach.

The compost is used to fertilise the Brazilian spinach grown in community gardens at the housing area.

After harvesting, the leaves are processed into crispy chips to be sold in the market, thus generating income for the local community.

Beringin PHP Rukun Tetangga chairman Che Roziani Mohd Shariff said by using the compost from the food waste and the compost machines supplied by the local authority, the yield and quality of the Brazilian spinach have increased threefold.

"We have been trying to produce crispy Brazilian spinach chips for a long time to generate funds for community projects and activities at the housing programme, but production has not been encouraging.

"To produce quality chips the Brazilian spinach must be of high quality," she said.

Che Roziani added residents would help collect the food waste at a given location.

It would then be processed into compost using a 60-litre capacity machine.

The process would take about 24 hours.

She said the production of Brazilian spinach chips also provided an opportunity for single mothers to earn extra income of about RM60 per day.

"We have applied to the Department of Agriculture for laboratory testing to analyse the compost content and quality," she said. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/5/2022 | NST | NEWS/OPINION | 10 |


POSITIVE TRENDS

# Modern farming popular with young agropreneurs



MOHD ROZAIMY RIDZUAN

AGRICULTURE and farming are two of the oldest and most essential professions the world over.

Humans have relied on agriculture as a primary food source for thousands of years. Today, food security is becoming a concern for the entire world.

By 2050, the world population is expected to have grown to an estimated 10 billion. In this regard, our ability to feed the world population could be jeopardised if the agricultural system does not change.

Experts also estimated that global food production will have to rise by 70 per cent from current levels to feed the expanding population by 2050.

The agriculture sector is crucial, indeed. According to the World Bank, farming accounts for four per cent of the world's gross domestic product in 2018, with certain emerging countries accounting for more than 25 per cent of GDP.

For Malaysia, the agriculture sector's contribution to the GDP is smaller than when the country gained independence due to the growth of other sectors such as manufacturing and services.

However, the agricultural sector's contribution cannot be overlooked because it may be the answer to several challenges the country faces, particularly unemployment, food security, and income discrepancies between rural and urban areas.

Modern farming is becoming more popular with the younger generation.

Although young people's involvement in agriculture is still limited, positive trends pointing towards their increased participation will surely be noticed, especially when more and more of them begin to express interest in becoming modern farmers.

Some people are willing to leave their steady careers in favour of the substantial monthly income as a farmer. Farming is no longer a "third-class" career because it has the potential to yield a sizeable profit today.

There are young entrepreneurs who are doing well, for instance, Shaiful Hizam, a honey bee entrepreneur, Mohd Shah Dasin, a pineapple farmer and Mohd Zalalnudin, a fish breeder.

Aside from the financial benefits, some of them provide jobs to villagers, who collaborate with them on their agricultural products. The idea that farming is only for the poor and needy has been disproved because farmers do gain big profits too.

Besides, agricultural activities can mitigate urbanisation, keeping young people in rural areas, where they can contribute to the area's development together.

The new generation of farmers finds modern farming appealing due to its ease of work, from running the farm, prepping the field for planting to harvesting using only smartphones.

Modern agricultural technologies that help automate the crop or livestock production cycle range from robotics and drones to computer vision software.

Besides, rooftop gardens are becoming increasingly popular, particularly in cities with sparse farmland resources. Apart from beautifying cityscapes, they can reduce pollution in cities and improve air quality.

Data analytics, machine automation, management software, mobile phone apps and digital marketplaces are just a few technical developments that have aided the agriculture industry's growth. Artificial intelligence also significantly enhances output by performing several tasks, including in decision-making.

A farmer's job also necessitates meticulous preparation and needs a great deal of effort and patience, especially in the early stages when total devotion is required.

The farmer must understand material preparation, cultivation methods, fertilisation techniques, irrigation systems, market requirements and marketing networks.

The government also actively encourages youths to venture into agriculture by introducing the Young Agropreneur Programme, assisting young Agri-entrepreneurs in financing and capital to start a business by providing technical advice, consulting, training and other related skills.

Young farmers' dilemma is about natural disasters such as floods. The catastrophic floods in March this year, for instance, caused many farmers to suffer huge losses.

The effects of climate change have undoubtedly hampered their efforts to sustain themselves in the agricultural sector.

They, therefore, should study disaster risk reduction practices and agricultural knowledge to lessen the possibility of agricultural products being seriously damaged by floods. Their crops can be protected from harm by a reliable drainage system and methodical planting procedures.

Apart from flooding, the country also faces drought, which has severely destroyed crops and cattle to the point where some farmers have given up.

Cooperation between university researchers and farmers should be strengthened so that new agricultural lands and techniques can be explored with a view to increase the agricultural sector's productivity.

The writer is a lecturer in public policy at Faculty of Administrative Science and Policy Studies, UiTM Pahang banch, Raub campus

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | THE STAR | NATION | 5 |

# Beloved pets now a burden to some

## Furkids abandoned because owners claim they are too busy with work

By WANI MUTHIAH
and GERARD GIMINO
newsdesk@thestar.com.my









**Animal cruelty:** Animal shelters say they are receiving 20 to 30 pets a week that have been abandoned. These pets are either old and sickly or discarded by owners who no longer have time to care for them.

PETALING JAYA: The end of the movement control order (MCO) has not been good for pets – many people who are returning to work are abandoning the animals.

Many have sent their pets to shelters or worse, just dumped them.

Most of those who forsook their pets say their workload has increased or they have new jobs, leaving them with little time to care for the pets.

"We receive about 20 to 30 pets, mostly dogs, every week. Although some of those who bring them in claim they found the animal by the roadside, we can tell that it is their pet," said Animal Welfare Society (PAWS) kennel manager Edward Lim.

He said those who admitted it was their pet cited work commitments, lack of time and ill health as reasons for giving up the animals.

Some of the young and healthy pets are accepted into the shelter but those above the age of five are euthanised.

"We don't like the fate that befalls these unfortunate pets," said Lim.

He said that Department of Veterinary Services (DVS) director-general Datuk Dr Norlizan Mohd Noor's recent statement that stiffer laws await pet dumpers was timely.

"We are happy the DVS will enforce regulations to punish irresponsible owners who dump their pets," said Lim.

He added that at least several of the 20 to 25 dogs sent to the shelter by the Petaling Jaya City Hall (MBPJ) and Shah Alam City Hall (MBSA) were also pets.

"We can tell they are pets. They are easy to approach and are friendly as opposed to feral dogs that are fearful of humans," said Lim.

Dr Norlizan had said some provisions in the 2021-2030 National Animal Welfare Strategic Plan (NAWSP 2021-2030) would be enforced to deal with pet and animal abandonment.

He said the current Animal Welfare Code of Practice (KAKH) did not have legal provisions to punish those who abandon pets.

"With the regulations in force, we can take legal action against people who neglect or dump pets," Dr Norlizan had said.

DVS head of Animal Welfare section Dr Marzuna Md Yunus said the Animal Welfare Act 2015 could not be fully enforced as relevant regulations and code of ethics were yet to be enacted or developed.

"Therefore, the NAWSP 2021-2030 was launched this year to strengthen the enforcement of the Act and other relevant legislation," she added.

The regulations and code of ethics would not only focus on punishing culprits but also to advise and educate them that acts of animal cruelty such as pet abandonment was unacceptable.

Apart from that, an SOP will also be drawn up to enable the government to enforce the collection of compounds from any party who violates specific provisions, including pet abandonment, she added.

"We are expecting all the necessary SOPs and enactments to be ready by the end of the year," she said.

Animal rescuer and activist Paul Lin Long, who volunteers with a Selangor-based animal welfare group, said some irresponsible owners were also known to dump their old and sick pets on the streets.

She said she had rescued many dogs that were old and could hardly move as they had advanced stage cancer.

"Most of them are pedigrees," said Long.

She said cats generally wandered off from the spot where they are dumped, but dogs have been known to wait at the same spot for their owners for days and even weeks until they are removed.

"Sometimes irresponsible owners do not spay their cats or dogs and when these animals become pregnant, they are abandoned at food courts and shops," said Long.

Long added that she has rescued or seen many of these pets being knocked down by cars or motorbikes, ending up with serious injuries or dead.

"I am very happy that the DVS is going to ensure that these cruel pet owners will be punished for what they have done," she said.

She added that wrongdoers must be dragged to court instead of being allowed to get away with a mere warning or a small compound.

"If these people escape with a slap on the wrist, it is a great disservice to the many animal activists and rescuers who give all their time, money and resources picking up these abandoned animals and taking care of them," she said.

# Animal rescuers: Jail and fine those who dump their pets

PETALING JAYA: It is high time jail terms and heavy fines be enforced on those who abandon their pets, say animal rescuers and animal lovers.

Independent Pet Adoption Network (IPAN) co-founder Sherrina Krishnan-Leyow said a jail term and fine was needed to prevent such incidents from occurring.

"Some say that these are just animals and people should not be punished for such 'trivial' misdemeanours but how is animal population, animal-to-animal or animal-to-human conflict in a community something trivial?

"Abandoned animals will also struggle to adapt with other animals in the area while finding it difficult to look for food and shelter.

"What's more, they may even encounter cruel individuals who will threaten them," she said, citing the recent incident of cats that were believed to have been poisoned in Desa Pandan, Kuala Lumpur.

Furry Friend's Farm (FFF) president Myza Nordin said stringent enforcement was needed to ensure the effectiveness of legislation.

"Similarly, the public who witness incidents of dumping should also make reports to the relevant authorities so that action can be taken against the perpetrators," she said.

She added that the enforcement would also keep perpetrators accountable for their actions.

"Every action has a reaction and when animals are abandoned, they can become a nuisance to communities. Hence, the irresponsible person who perpetrated this should be penalised for his action," she said.

Homeless Paws of Manjung Strays vice president Joanne Low concurred that the enforcement of a jail term and fine was timely.

"My thoughts are, did the person even think of the pet's welfare when abandoning them?

"It had been too easy for these owners, with many washing their hands despite the action being just plain cruel," said Low who has rescued animals for the past 23 years.

Low added that pets could be abandoned for various reasons including the deteriorating health of the animals, or when they were no longer 'cute'. Owners' dwindling commitments towards the animals are another reason.

"If you are unable to further commit, don't abandon them but instead board them with responsible shelters or even find them good homes," she said.

Wealth planner Lau Wai Lok, 27, said those thinking of abandoning their pets should first think whether they themselves would like to be saddled with the same situation one day.

"Heavier penalties should also be enforced to show there are repercussions to such actions.

"If no strict punishments are meted out to those who abandon pets, it gives the message that it is not something wrong to begin with, which may further encourage people to do so," said Lau who currently owns three rescued cats.

Business development manager Rena Chang, said a one- or two-day jail term would serve as a stern deterrent to those thinking of abandoning their pets.

"The abandonment of pets is not something trivial as animals too have a right to be protected under the law.

"These individuals should ask themselves why they first chose to adopt a pet only to abandon them later on," said Chang who cares for four rescued dogs at home.

Media sales director Kin Kamarulzaman, 46, said jail term and a heavy fine were absolutely necessary.

"Pets are sentient beings and can experience feelings and emotions just like humans.

"We as owners are supposed to protect them as they are our responsibility," said Kin who owns nine dogs, of which eight are rescues.

She added that in the event she was no longer able to care for them, re-homing them with someone trustworthy was her next best option.

Chief executive officer of a non-profit, Shyam Priah, 47, said community service should also be incorporated, in addition to a jail term and heavier fines.

"I currently have three dogs and a cat, all of which are rescued, and the thought of abandoning them has never occurred to me.

"Similarly, I also turned down an opportunity to migrate as I could not bring the dogs along," she said, adding that those who chose to abandon their pets lacked civic mindedness.

On May 10, the Veterinary Services Department (DVS) announced that it will soon be enforcing regulations cited in the 2021-2030 National Animal Welfare Strategic Plan, including one related to pet or animal abandonment.

The department's director-general Datuk Dr Norlizan Mohd Noor said the Animal Welfare Code of Practice introduced earlier was not legally binding and merely served as a guide.

Therefore, action could not be taken on breaches of the code, he added.

Now, however, court action can be taken against pet owners for neglect or abandonment.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

Isu rumah sembelihan langgar protokol halal, nama pegawai Jakim didedah hari ini

# Pekemas lapor SPRM, PDRM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
utusannews5@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Susulan pendedahan isu pelanggaran protokol halal sebuah rumah penyembelihan di Australia, Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas) membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mendesak siasatan dibuat terhadap pegawai Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presidennya, Faizan Mohd. Nor berkata, laporan itu dibuat kerana dipercayai wujud perlanggaran integriti beberapa pegawai dalam jabatan itu seolah-olah hanya memejamkan mata dan membenarkan segala salah laku berlaku tanpa pemantauan sebaiknya.

Sedangkan kata beliau, tindakan pemeriksaan dan pemantauan adalah di bawah tanggungjawab para pegawai termasuk pengurusan jabatan berkenaan.

Katanya, satu sidang akhbar akan diadakan hari ini bagi mendedahkan isu integriti membabitkan kakitangan jabatan terlibat.

Menurut beliau, pihak SPRM akan membentangkan laporan isu berkenaan dalam mesyuarat suruhanjaya itu, seterusnya melantik pegawai penyiasat berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) siasatan suruhanjaya berkenaan.

"Laporan ini dibuat agar pihak SPRM dapat menyiasat salah laku dan integriti pegawai Bahagian Hab Halal Jakim dan pembongkaran isu moral dalam kalangan pegawai yang terlibat dalam kelulusan Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc. (SICHMA) selaku badan pensijilan halal yang bertanggungjawab dalam penyeliaan halal ke atas Thomas Food Industries (TFI)," katanya di sini semalam.

Bersambung di muka 3




**Rezeki anak kelah**

HOBI Muhammad Faizal Ikhwan Ismail, 11, (kanan) dan Muhammad Sharil Hakim Mat Nawang, 12, menyauk anak ikan kelah merah di Sungai Belukar Bukit di Hulu Terengganu memberi rezeki tambahan untuk belanja sekolah mereka. Benih-benih ikan itu dijual 40 sen seekor kepada seorang penternak. – UTUSAN/PUQTRA HAIRRY (Berita di muka 30)

## Kartel rancang tutup ladang ayam, catu bekalan

Oleh ARIF AIMAN ASROL
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sekumpulan kartel industri ternakan ayam didakwa merancang menutup ladang ternakan pada Sabtu dan Ahad ini sebagai protes kepada kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Penutupan itu bukan sahaja bakal meningkatkan harga ayam di pasaran manakala pengguna pula perlu berebut untuk mendapatkan bekalan yang dicatu oleh mereka malah turut menjejaskan operasi perniagaan pembekal.

Sumber dalaman industri memberitahu *Utusan Malaysia*, tindakan yang didalangi sebuah persatuan itu dipercayai dalam perancangan untuk dilaksanakan dalam dua hari tersebut bagi memboikot kerajaan.

Bersambung di muka 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# Pekemas lapor SPRM, PDRM

Dari muka 1

Terdahulu, beliau membuat laporan ke Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya kira-kira pukul 11 pagi semalam dan diterima Pegawai SPRM bertugas, Khairul Ikmal Zakaria.

Laporan turut dibuat kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkaitan isu berkenaan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya.

Faizan adalah salah seorang yang mendedahkan bukti menerusi maklumat daripada pekerja rumah penyembelihan di Australia, termasuk rakaman video ketidakpatuhan yang berlaku bertahun-tahun.

Dalam perkembangan sama, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) turut menyiasat dakwaan status tidak mematuhi prosedur halal oleh syarikat penyembelih yang sama.

Sementara itu, Jakim kini sedang menjejaki lelaki dikenali 'Abdullah' iaitu individu penting yang mendedahkan isu loji penyembelihan halal di Australia baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad berkata, individu itu perlu tampil ke hadapan bagi membantu siasatan isu berkenaan.

Beliau berkata, pegawai Jakim sudah pun berjaya menghubungi lelaki itu sebelum ini bagi mendapatkan maklumat lanjut.

"Bagaimanapun, lelaki itu memaklumkan akan menghubungi semula pegawai Jakim berkenaan, namun, sehingga kini membisu dan gagal dihubungi.

"Saya turut meminta Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) untuk menghubungi lelaki itu kerana ia penting bagi memastikan siasatan lebih telus berhubung isu berkenaan.

"Saya juga difahamkan, Abdullah itu bukan menggunakan nama sebenar, namun kami faham mungkin untuk keselamatan dia," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran aplikasi digital Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) atau DiYa, semalam.

Sejak 14 April lalu, *Utusan Malaysia* mendedahkan status halal sebuah rumah penyembelihan haiwan di Australia yang turut mengeksport daging ke Malaysia diragui apabila prosedur penyembelihan didakwa tidak mengikut syariat Islam.

Tambah mengejutkan, pusat penyembelihan di Lobethal, Selatan Australia itu ada dalam senarai diiktiraf Kerajaan Malaysia dan mendapat perakuan badan pensijilan halal luar negara di Australia.

Berdasarkan bukti rakaman video dan gambar menunjukkan, haiwan-haiwan dilemaskan dalam takungan darah binatang yang disembelih terdahulu menyebabkan haiwan itu mati akibat lemas dan bukannya kerana disembelih sebagaimana syarat yang diperlukan dalam keperluan penyembelihan halal.

Susulan itu, Jakim dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memutuskan untuk menggantung lesen loji sembelihan TFI itu sehingga satu hasil siasatan menyeluruh diperoleh.

Malah, SICHMA selaku badan pensijilan halal yang bertanggungjawab dalam penyeliaan halal ke atas loji sembelihan itu pula akan diberi surat tunjuk sebab dan berdepan kemungkinan dibatalkan status sebagai badan pensijilan halal Jakim jika didapati tidak mematuhi keperluan standard dan prosedur halal Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# Kartel rancang tutup ladang ayam, catu bekalan

Dari muka 1

Malah satu pekeliling yang dikeluarkan semalam oleh sebuah syarikat ladang ternakan di Melaka kepada pembekal memaklumkan bekalan ayam akan dihentikan pada 21 hingga 22 Mei ini atas alasan 'masalah-masalah ayam di ladang ternakan'.

Menurut sumber tersebut, strategi lama 'tangan hitam' itu mencatu ayam di dalam pasaran sebelum ini telah gagal hingga mereka mengambil keputusan menutup ladang-ladang ayam.

"Saya percaya niat mereka adalah untuk boikot kerajaan, pengguna dan pihak lain.

"Alasan mereka lakukan itu juga adalah kerana kos dedak dan anak ayam yang semakin meningkat serta kelewatan bayaran subsidi daripada pihak berkuasa.

"Sebab strategi peladang hari ini catu atau kurangkan ayam kepada pembekal tidak berjaya. Kerajaan tak ambil peduli pun walau banyak pembekal mahupun pengguna mengadu tidak dapat bekalan ayam sepatutnya," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, akhbar ini mendedahkan mengenai kewujudan kumpulan kartel yang mengawal harga pasaran ayam di negara ini didakwa menyebabkan harga ternakan itu tidak menentu di pasaran sejak kebelakangan ini.

Malah, hampir keseluruhan rantaian industri penternakan itu dikawal beberapa kartel besar yang menggunakan persatuan sebagai kaedah penyamaran perbuatan mereka.

Sumber menambah, penutupan ladang ternakan ayam itu akan menyebabkan pasaran tidak lagi dapat menampung permintaan pengguna kerana rantaian akan terputus sepenuhnya apabila ia berlaku.

Jelasnya, pembekal terpaksa mengikut kenaikan dari ladang lalu menyebabkan penjual terpaksa jual dengan harga tinggi kepada pengguna walaupun antara tiga komponen itu sudah melebihi harga kawalan.

"Sebelum ini ada kenaikan tapi sejak seminggu dua ini kenaikan mendadak sehingga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) banyak saman kami. Saman itu juga tinggi dan melampau.

"Maksud di sini apa yang peladang nak beritahu sebenarnya adalah kenaikan harga itu disebabkan kos bela ayam.

"Punca masalah adalah satu dunia, banyak negara mula berhenti eksport gandum dan jagung sedangkan sebelum ini jika dua barangan itu tidak berkualiti ia akan menyebabkan tumbesaran ayam terbantut," jelasnya. -



**ADA kartel didakwa merancang menutup ladang ternakan ayam hujung minggu ini sebagai tanda protes kepada kerajaan. - GAMBAR HIASAN**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# Tangkap benih ikan kelah tampung belanja sekolah

Oleh ROSALINDA MD. SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

**HULU TERENGGANU:** Hobi tiga sahabat dari Kampung Belukar Bukit di sini, menangkap benih ikan kelah membolehkan mereka menjana pendapatan bagi menampung perbelanjaan sekolah masing-masing.

Aktiviti yang dijalankan sejak empat tahun lalu membantu Mohd. Farizal Ikhwan Ismail, 11, Mohd. Syahril Akim Mat Nawan, 12, dan Mohd. Syahrizal Aiman Abdullah, 14, berdikari sekali gus meringankan beban keluarga masing-masing.

Mohd. Farizal Ikhwan berkata, sepanjang tempoh itu, mereka jarang meminta wang saku daripada ibu bapa, malah turut memanfaatkan pendapatan sampingan bagi membeli peralatan sekolah termasuk buku.

Murid Sekolah Kebangsaan Betong itu berkata, benih ikan kelah merah dijual pada harga 40 sen seekor kepada seorang penternak di sini dan sepanjang Aidilfitri ini mereka mampu meraih lebih RM100 seorang.



TIGA sahabat mencari benih ikan kelah bagi menampung perbelanjaan sekolah di Air Terjun Belukar Bukit, Hulu Terengganu, Terengganu. -UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Katanya, hobi itu dilakukan setiap hari selepas pulang dari sekolah antara pukul 2 hingga 4 petang dan diteruskan pada hujung minggu di sekitar kawasan Air Terjun Belukar Bukit.

"Hanya dua peralatan dibawa iaitu penapis bagi menyauk ikan dan bekas kosong yang mana proses pencarian tidak susah kerana habitatnya di celah batu atau timbunan pokok serta di kawasan air tenang.

"Biasanya dalam tempoh dua jam itu kami berjalan meredah air separas paha sejauh kira-kira satu kilometer dan mampu menangkap kira-kira 350 ekor benih ikan dengan kesemuanya dijual terus," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Sementara itu, Mohd. Syahrizal Aiman pula mampu membeli kenderaan terpakai bagi kegunaan keluarganya hasil jualan benih ikan kelah yang dikumpul dalam tempoh beberapa bulan.

Katanya, dia sendiri tidak menyangka hobi masa lapang bersama kawan-kawan sekampung itu membolehkannya memiliki motosikal terpakai berharga RM800.

# 20 nelayan Vietnam dicekup ceroboh, tangkap hasil laut

**MERSING:** Seramai 20 nelayan Vietnam dicekup Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) selepas disyaki menceroboh dan menangkap hasil laut di perairan negara, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Mersing, Komander Maritim Khairul Nizam Misran berkata, pihaknya bersama Pasukan Polis Marin (PPM) menahan dua buah bot nelayan asing tersebut kira-kira pukul 12.30 pagi di perairan Mersing.

Katanya, kedua-dua bot itu ditahan dalam satu rondaan operasi penguatkuasaan bersepadu Op Khas Pagar Laut dan Op Bersepadu di kedudukan kira-kira 7.9 batu nautika timur laut Pulau Pemanggil, di sini.

"Hasil pemeriksaan ke atas 20 kru termasuk tekong kedua-dua bot, mengesyaki mereka adalah warga Vietnam berumur antara 16 tahun hingga 52 tahun selepas didapati gagal mempamerkan pengenalan diri yang sah.

"Susulan itu kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran Pengarah Perikanan dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal mempamerkan dokumen pengenalan diri yang sah," katanya semalam.

Khairul Nizam berkata, dua bot dan peralatan menangkap ikan serta hasil tangkapan dianggarkan 9,000 kilogram (kg) dan bekalan diesel kira-kira 11,500 liter turut dirampas, manakala kesemua tangkapan dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Pos Teluk Gading untuk siasatan lanjut.

"Hasil rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM3 juta. Maritim Malaysia secara tegas mengambil serius dan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dengan aktiviti pencerobohan vesel penangkapan ikan negara asing bagi mengaut hasil laut dalam perairan negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | KOSMO | K2 | 19 |



Kosmo!

k2

Menyelami Hidup Anda

RABU 18.05.2022

# Potensi lumayan rumpai laut

RUMPAI laut yang ada di negara ini boleh dikomersialkan ke peringkat tinggi kerana mempunyai potensi cukup besar dalam menjana pendapatan lumayan, selain manfaat kesihatan iaitu kaya dengan serat, mineral, vitamin, iodin dan lain-lain

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | KOSMO | K2 | 20 |



Rencana Utama

Oleh
FARID AHMAD TARMIJI



RUMPAI laut yang ada di kolam dikutip sebelum diproses untuk dikomersialkan.

# Industri rumpai laut berpotensi dikembangkan

"RUMPAI laut sememangnya berkhasiat dan banyak manfaat kepada kesihatan," kata Dr. Adibi Rahiman Md. Nor dari Institut Pengajian Termaju, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur yang kini terlibat dalam mengkomersialkan bahan itu.

Beliau yang merupakan saintis marin biologi dan akuakultur yang mempunyai pengkhususan bidang rumpai laut berkata, dalam hal ini dia turut membantu usahawan yang terlibat untuk memasarkan produk rumpai laut.

Katanya, baru-baru ini dia didatangi seorang pengusaha kolam ternakan tiram dan kerang di Muar, Johor yang ingin mengetahui potensi tumbuhan akuatik seperti rumpai air yang banyak terdapat di dalam kolamnya.

Katanya, penternak itu, Jalaludin Kassim, 63, berjumpa dan membawa sampel rumpai itu selepas menerima nasihat daripada Jabatan Perikanan.

"Jalaludin sebelum ini berjaya dalam penternakan tiram dan kerang dengan kerjasama Jabatan Perikanan pada 2019.

"Bagaimanapun, projek itu terbengkalai apabila PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) dilaksanakan pada 18 Mac 2020 berikutan penularan pandemik Covid-19 menyebabkan projek akuakultur itu sukar dipantau.

"Setelah tidak diuruskan lebih setahun, dia terkejut apabila melihat kolam dipenuhi dengan sejenis tumbuhan akuatik yang kelihatan seperti rumpai air dan berwarna kekuningan serta keemasan sewaktu ingin mengutip kerang," ujarnya.

Katanya, setelah dibuat kajian dan analisa, sampel tersebut adalah sejenis rumpai laut dikenali *gracilaria* sp. yang mempunyai nilai komersial tinggi.

Selepas itu ujarnya, UM menjalankan kerjasama dengan syarikat Laman Alamjaya Sdn. Bhd. milik Jalaludin yang mengusahakan ladang akuakultur untuk membangunkan satu sistem pengkulturan rumpai laut yang mampan dan mesra alam.

Rumpai laut tersebut kini dijual pada harga RM15 untuk setiap 100 gram berat kering untuk aplikasi makan terus dan harga ini jauh lebih rendah berbanding rumpai laut diimport.

"Melalui kerjasama itu, penjenamaan rumpai laut dikenali sebagai sarAiy dihasilkan dengan kualiti tinggi.

"Rumpai laut yang dihasilkan itu dianalisis di makmal bagi memastikan ia selamat untuk dimakan mengikut garis panduan yang termaktub dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan kami dalam proses untuk mendapatkan pensijilan myGAP (Amalan Akuakultur Baik) daripada Jabatan Perikanan," katanya.

Dalam pada itu, ujar Dr. Adibi Rahiman, industri rumpai laut ada potensi besar untuk dikembangkan.

Menurutnya, nilai global industri rumpai laut mencecah hingga RM64.5 bilion pada 2019 dengan penglibatan melebihi 200, 000 pengusaha seperti yang dipetik daripada laporan tahunan Pertubuhan Makanan Sedunia.

"Malaysia menduduki tempat ke-8 selaku pengeluar utama global selepas China, Indonesia, Korea Selatan, Filipina, Korea Utara, Chile dan Jepun.

"Industri penternakan rumpai laut sesuatu yang asing di Semenanjung, tetapi tidak di Sabah. Malah pengkulturan rumpai laut telah diperkenalkan di Malaysia sejak 1978 lagi khususnya di Sabah," jelasnya.

Tambahnya, rumpai laut yang dikultur diproses untuk penghasilan karagenan, sejenis bahan pengemulsi, penstabil dan pemekat yang banyak digunakan dalam industri makanan.

Hakikatnya, rumpai laut ini mempunyai pelbagai kegunaan dan diperlukan untuk industri perubatan, kosmetik, baja pertanian, makanan haiwan, bioplastik dan lain-lain.

Ujar Dr. Adibi Rahiman, ia mempunyai pelbagai spesies, antaranya *kappaphycus*, *gracilaria* dan lain-lain.



PROSES pengeringan rumpai laut dilakukan selepas dikutip dari kolam.



HASIL kajian mendapati, rumpai laut mempunyai banyak khasiat dan manfaat kesihatan kepada manusia.

**INFO**

**Rumpai laut**

- Rumpai laut yang dikultur akan diproses untuk penghasilan karagenan iaitu sejenis bahan pengemulsi, penstabil dan pemekat yang digunakan dalam industri makanan
- Ia juga mempunyai pelbagai kegunaan dan diperlukan untuk industri perubatan, kosmetik, baja pertanian, makanan haiwan, bioplastik dan lain-lain
- Nilai global industri rumpai laut mencecah hingga RM64.5 bilion pada 2019
- Malaysia menduduki tempat ke-8 selaku pengeluar utama rumpai laut global selepas China, Indonesia, Korea Selatan, Filipina, Korea Utara, Chile dan Jepun

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/5/2022 | KOSMO | K2 | 21 |





**DR. ADIBI RAHIMAN** menunjukkan rumpai laut yang telah siap untuk dipasarkan sebagai produk yang banyak memberikan manfaat.



**RUMPAI** laut juga sesuai untuk dikultur di dalam kolam.

"Spesies *kappaphycus* sesuai dikultur di perairan Pantai Timur Sabah seperti Semporna, Kunak, Lahad Datu dan Tawau.

"Jabatan Perikanan dengan kerjasama penyelidik universiti tempatan telah cuba untuk mengkultur *kappaphycus* di Semenanjung bermula 2010 dan usaha ini berjaya untuk dilakukan pada skala kecil di Pulau Langkawi, Kedah dan Pulau Pangkor, Perak.

"Bagaimanapun, terdapat halangan pengkomersialan dari aspek pemasaran kerana kilang memproses rumpai laut hanya terletak di Sabah.

"Bagi spesis *gracilaria* pula sesuai dikultur di kolam. Inisiatif untuk mengkultur rumpai laut *gracilaria* di Semenanjung diusahakan sejak 1980-

> Rumpai laut ini mempunyai pelbagai kegunaan dan amat diperlukan untuk industri perubatan, kosmetik, baja pertanian, makanan haiwan, bioplastik dan lain-lain."

an di beberapa tempat seperti Middle Bank, Pulau Pinang, Sungai Petani (Kedah), Bukit Keluang (Terengganu) dan Gelang Patah (Johor)," ulasnya.

Dalam pada itu, katanya, berdasarkan penilaian dan ujian makmal berakreditasi, rumpai laut *gracilaria* kaya dengan pelbagai kandungan khasiat yang mampu menjadi makanan *super* atau *superfood* yang boleh dimakan terus.

Negara-negara di Eropah dan Amerika telah memulakan langkah drastik memajukan industri rumpai laut dari segi sokongan kewangan.

"Rumpai laut mempunyai manfaat kesihatan kerana kaya dengan serat, mineral, vitamin, iodin dan lain-lain.

"Sebagai contoh, serat adalah sejenis nutrien yang diperlukan untuk fungsi sistem penghadaman," jelasnya.

Antara manfaat serat kepada kesihatan adalah dapat mengekalkan berat badan, mengurangkan risiko diabetes, kadar kolesterol dan gula dalam darah.

Rumpai laut juga boleh menjadi pengganti kepada nasi dan memiliki kandungan serat tinggi.

Dr. Adibi Rahiman yang merupakan anak jati Pasir Puteh, Kelantan berkata, rumpai laut *gracilaria* merupakan bahan utama dalam makanan tradisional masyarakat Kelantan iaitu kerabu sarer.

"Bekalan sarer untuk pasaran Kelantan biasanya dibawa masuk dari selatan Thailand.

"Namun pada Disember 1996, Kementerian Kesihatan mengharamkan aktiviti mengimport, larangan penjualan dan memakan sarer yang didapati dicemari logam berat plumbum melebihi had dibenarkan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985," jelasnya.

Bagaimanapun, masih ada penjualan sarer secara tersembunyi di pasaran gelap kerana dibawa masuk secara haram disebabkan permintaan tinggi, terutama di bulan Ramadan, selain dihidangkan di majlis perkahwinan sebagai salah satu menu utama.

Menyedari permintaan tinggi rumpai laut tersebut di Kelantan, Dr. Adibi bekerjasama dengan pengusaha tempatan dalam penghasilannya yang lebih selamat dan bebas pencemaran logam tinggi.

Kerjasama penyelidikan dibuat dengan syarikat Ain Aquaculture Sdn. Bhd. di Kampung Pulau Gajah, Pantai Sabak, Kota Bharu untuk mengkultur rumpai laut bagi mengurangkan bahan mentah itu dibawa masuk secara haram.

"Dengan kaedah pengkulturan secara tempatan ini, kita dapat mengurangkan kebergantungan rumpai laut dari negara luar, sekali gus dapat menjamin keselamatan dan kebersihan," katanya.

# Bantu perlahan pelepasan metana

SETAKAT ini, cara paling berkesan mengurangkan pemanasan global adalah membendung pelepasan gas rumah hijau.

Metana merupakan sebahagian gas rumah hijau dan ia berpunca daripada sektor penternakan dan pembakaran bahan api fosil.

Seorang petani dari Kanada, Joe Dorgon yang menghasil dan mengedarkan rumpai laut, menemui penemuan baharu yang membantu mengurangkan kesan metana terhadap pemanasan global.

Menurutnya, sebelum ini, dia menggunakan rumpai laut sebagai makanan ternakan dan baja.

"Saya kemudian menghantar sampel ke Universiti Dalhousie di Nova Scotia untuk menguji pensijilan organik.

"Bidang ternakan menyumbang satu pertiga daripada semua pelepasan metana yang menyumbang 30 peratus kepada pemanasan global.

"Melalui ujian ini, penyelidik mendapati, memberi makan rumpai laut kepada lembu mengurangkan gas rumah hijau hingga 40 peratus," jelasnya.

Biasanya, bagi mencerna makanan, ternakan perlu pencernaan tambahan menyebabkan haiwan itu sendawa lebih banyak. Keadaan itu mengeluarkan metana, gas rumah hijau yang memerangkap haba 80 kali lebih kuat daripada karbon dioksida.

Ini mendorong ketua saintis, Rob Kinley yang bekerjasama dengan Dorgon dalam pensijilan organik mencari spesies rumpai laut yang dapat mengurangkan pelepasan metana.

"Kami mula menguji rumpai laut dari pantai Australia dan dapati, spesies *asparagopsis* memberi kesan amat baik.

"Hasil beberapa kali ujian mendapati, metana yang dilepaskan dari sektor penternakan berkurangan," ujarnya.



**GAS** metana dilepaskan oleh haiwan ternakan yang sendawa bagi memudahkan proses pencernaan. – GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 16/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Pengeluaran durian sasar hampir 1/2 juta tan, Johor nombor satu



DURIAN Malaysia sudah berjaya menembusi 22 buah negara dan berpotensi meneroka banyak pasaran baharu. - Ihsan Jabatan Pertanian

PUTRAJAYA: Jabatan Pertanian Malaysia menganggarkan pengeluaran durian di negara ini dijangka meningkat kepada 493,397 tan menjelang 2025 ekoran penggunaan teknologi tinggi.

Menurut Ketua Pengarahnya, Datuk Zahimi Hassan, unjuran tersebut berdasarkan trend positif yang direkodkan pada 2020 apabila sudah berjaya mencapai pengeluaran 390,635 tan.

"Banyak ladang durian sudah menggunakan teknologi pertanian pintar seperti sistem Internet Benda atau IoT dalam proses pengairan dan pembajaan," katanya menerusi kenyataan di sini.

Meskipun tidak merujuk kepada mana-mana isu semasa, kelmarin Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah membayangkan harga buah itu bakal naik.

Durian premium popular jenis *Musang King* diramalkan boleh mencecah RM80 sekilogram di seluruh negara susulan isu penyusutan bekalan kerana faktor cuaca hujan berterusan di ladang.

Malahan baka *Black Thorn* atau duri hitam dijangka mampu mencapai paras RM100 sekilogram ekoran kekurangan bekalan dari Perak dan Pulau Pinang yang melepasi 50 peratus ketika ini.

Mengulas lebih lanjut, Zahimi berkata, pada masa ini kawasan penanaman durian berkeluasan 76,895 hektar dengan hanya 40 peratus atau 30,758 hektar yang ditanam varieti Musang King.

"Baka yang dikenali juga sebagai Raja Kunyit atau D197 itu turut jadi sumber kekayaan baharu negara dengan banyak dieksport ke pasaran berpotensi di pelbagai negara asing," jelasnya.

Ketika ini Raja Buah itu menembusi China, Taiwan, Korea Selatan, Singapura, Vietnam dan Jepun selain pasaran bukan tradisi Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan 13 negara lain.

Berdasarkan rekod Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), nilai eksport pada 2016 lalu ialah sebanyak RM69.9 juta manakala pada 2020 pula telah melepasi RM144.7 juta.

Menariknya ujar beliau, permintaan global terhadap industri durian terutama produk sejuk beku dianggarkan bakal bernilai AS30 bilion (kira-kira RM132 bilion) menjelang tahun 2025.

"Malaysia mampu memenuhi permintaan tinggi kerana pensijilan Amalan Pertanian Baik yang diperkenalkan membuktikan pihak kerajaan amat prihatin dengan tanaman ini," kata Zahimi.

Garis Panduan Pembangunan Durian di Tanah Bercerun yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian turut membantu ramai pengusaha secara lestari untuk mengurangkan risiko bencana.

FAMA juga bekerjasama dengan pihak kementerian untuk memperluaskan akses pasaran yang berpotensi dengan pelbagai promosi dan kempen kesedaran para pengguna di luar negara.

Dalam usaha elak berlaku lambakan durian dan kejatuhan harga seperti tahun lalu, agensi itu menyediakan 157 bilik sejuk beku bagi penyimpanan tahan lama isi berbentuk ulas dan pes.

Data terkini agensi itu pada 2020 menunjukkan Johor muncul sebagai pengeluar utama durian di Malaysia dengan keluasan 18,530 hektar dan pengeluaran 117,365 tan bernilai RM22 juta.

Diikuti Pahang dengan keluasan 13,363 hektar dan pengeluaran 96,692 tan bernilai RM18 juta serta Sarawak dengan keluasan 12,242 hektar dan pengeluaran 35,735 tan bernilai RM0.6 juta. –UTUSAN




查希米哈山（中）为LKE Musang Queen首个符合伊斯兰教义的第五阶段榴梿种植传承计划（NanasX）主持推介礼。右四为仄里米。（主办方提供）

## 符伊教義

# LKE榴槤種植計劃推介

(吉隆坡17日讯) 农业部总监拿督查希米哈山为LKE Musang Queen首个符合伊斯兰教义的第五阶段榴梿种植传承计划（NanasX）主持推介礼，这项计划是LKE Group Sdn. Bhd.(LKE)与拉曼理工大学合作展开，以针对最有效栽种及照顾榴梿树的科学化方法展开研究，致力提升该工业，并打造马来西亚成为理想的全球性榴梿出口目的地。

LKE联合创始人兼董事经理仄里米(译音)也宣布该公司承诺奉公守法，运作都依照伊斯兰的条规。

他强调："在LKE，我们已经采取了许多措施来建立我们业务的信誉和透明度；遵守伊斯兰的原则是其中之一。我谨此自豪地宣布，LKE Musang Queen如今是马来西亚第一家遵守伊斯兰的榴梿种植传承计划的公司，为成为合作人增加了另一个信心的层次。

查希米哈山表示："我深信并认为沿着这个模式的价值链采纳现代化的农业科技，就能提高生产力及本地榴梿果实产量的素质，以应付全球市场所需。LKE所落实的方法恰好能产生精明的增效作用，可以通过各部门，高等学府以及私人界之间的紧密合作，驱动可持续农业生态系统的发展，进而尽量加大我国粮农领域的经济永续价值。"

欲知更多详情，可浏览网站：https://www.lkegroup.com.my/lke-musang-queen/。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 11 |

Teknologi pertanian pintar berjaya tingkatkan pengeluaran raja buah negara

# 493,397 tan durian menjelang 2025

Oleh AMREE AHMAD

**PUTRAJAYA** – Jabatan Pertanian menganggarkan pengeluaran durian negara dijangka meningkat kepada 493,397 tan menjelang 2025 berikutan penggunaan teknologi pertanian pintar.

Menurut Ketua Pengarahnya, Datuk Zahimi Hassan, unjuran itu berdasarkan trend positif yang direkodkan pada tahun 2020 apabila negara berjaya mencapai pengeluaran 390,635 tan.

"Banyak ladang durian sudah menggunakan teknologi pertanian pintar seperti sistem Internet Benda (IoT) dalam proses pengairan dan pembajaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, ketika ini kawasan penanaman durian berkeluasan 76,895 hektar, namun hanya 40 peratus atau 30,758 hektar yang ditanam varieti Musang King.

"Baka yang dikenali sebagai Raja Kunyit atau D197 itu turut jadi sumber kekayaan baharu negara dengan banyak dieksport ke pasaran berpotensi di pelbagai negara asing," ujarnya.

Ketika ini, raja buah itu menembusi China, Taiwan, Korea Selatan, Singapura, Vietnam dan Jepun selain Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan 13 negara lain.



**PERMINTAAN** terhadap durian meningkat setiap tahun termasuk dari luar negara. – GAMBAR HIASAN

Berdasarkan rekod Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), nilai eksport pada 2016 lalu ialah sebanyak RM69.9 juta, manakala pada 2020 pula telah melepasi RM144.7 juta.

Ujarnya, permintaan global terhadap industri durian terutama produk sejuk beku dianggarkan bakal bernilai AS$30 bilion (RM132 bilion) menjelang 2025.

Katanya, Malaysia mampu memenuhi permintaan tinggi kerana pensijilan Amalan Pertanian Baik yang diperkenalkan membuktikan pihak kerajaan amat prihatin dengan tanaman itu.

"Garis Panduan Pembangunan Durian di Tanah Bercerun yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian turut membantu ramai pengusaha secara lestari untuk mengurangkan risiko bencana.

"FAMA juga bekerjasama dengan kementerian bagi memperluaskan akses pasaran yang berpotensi dengan pelbagai promosi dan kempen kesedaran pengguna di luar negara," ujarnya.

Dalam usaha mengelakkan berlaku lambakan durian seperti tahun lalu, agensi tersebut menyediakan 157 bilik sejuk beku bagi penyimpanan tahan lama isi berbentuk ulas dan pes.

Data terkini agensi itu pada 2020 menunjukkan Johor muncul sebagai pengeluar utama durian di Malaysia dengan keluasan 18,530 hektar dan pengeluaran 117,365 tan bernilai RM22 juta.

Diikuti Pahang dengan keluasan 13,363 hektar dan pengeluaran 96,692 tan bernilai RM18 juta serta Sarawak (12,242 hektar) pengeluaran 35,735 tan bernilai RM0.6 juta.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | KOSMO | MUKA DEPAN | 1 |

# Durian duri hitam harga emas

**Habis ditempah orang kenamaan luar negara, harga sebiji boleh mencecah RM300**

DURIAN duri hitam atau *black thorn* yang mencecah harga RM300 sekilogram kini menjadi kegilaan orang kenamaan (VIP) luar negara apabila bertindak memborong hampir kesemua raja buah yang tumbuh subur di Pulau Pinang itu kerana menganggapnya amat eksklusif dan istimewa.

Pekebun memberitahu, mereka tidak menang tangan menerima tempahan ketika pokok baru mengeluarkan bunga sedangkan musim luruh *black thorn* atau lebih popular dengan panggilan orchee ialah pada Jun ini.

Setakat ini, sebanyak 1,800 biji orchee dijadualkan dihantar ke Singapura, China, Indonesia dan Australia kepada pelanggan yang terdiri daripada pengarah syarikat, pengerusi eksekutif dan usahawan.

• LAPORAN PENUH DI MUKA 2

> ISI durian duri hitam yang manis, berlemak dan sedikit pahit membuatkannya menjadi buruan VIP luar negara yang menyifatkannya sebagai eksklusif dan istimewa.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 2 |

Raja buah Balik Pulau diburu VIP luar negara kerana enak, eksklusif

# Durian duri hitam harga kayangan

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Pekebun durian duri hitam atau *black thorn* di negeri ini bakal memungut untung apabila lebih 1,800 biji buah itu yang dijual pada harga RM300 sekilogram telah habis diborong orang kenamaan (VIP) luar negara walaupun musim luruhnya hanya pada Jun ini.

Keadaan itu membuatkan *black thorn* atau lebih dikenali sebagai orchee kekal sebagai raja buah No. 1 kerana harganya yang mencecah antara RM200 hingga RM300 sebiji yang menyamai nilai segram emas atau '*gold bar*' berharga RM290.

Seorang pekebun durian duri hitam di Balik Pulau di sini, Tan Chee Keat, 31, berkata, buah itu mula ditempah ketika pokok mengeluarkan bunga oleh ramai pelanggan hingga membuatkannya tidak menang tangan.

Katanya, ia agak memeranjatkan kerana musim luruh raja buah itu hanya sekitar Jun ini.

"Ia membuatkan saya terpaksa membelai dan menjaga buah ini supaya tidak rosak baik ketika di atas pokok atau ketika gugur. Saya juga memasang sebanyak 32 kamera litar tertutup di sekitar dusun.

"Penghantaran pertama ke Singapura, China, Indonesia dan Australia melibatkan sebanyak empat tan buah dengan anggaran lebih 1,800 biji.

"Pelanggan saya terdiri dalam kalangan pengarah syarikat, pengerusi eksekutif dan usahawan luar negara yang terkenal dengan gelaran 'hantu durian' di mana mereka membuat tempatan ketika pokok mengeluarkan bunga Mac lalu," katanya kepada *Kosmo!*.

Menurut Chee Keat, rata-rata pelanggan menempah antara 50 hingga 300 biji seorang untuk dimakan bersama rakan-rakan.

"Mereka kata buah durian duri hitam Balik Pulau terlalu eksklusif dan istimewa," katanya.

Chee Keat menambah, tempahan duri hitam sudah mencecah hingga 60 peratus berbanding musang king iaitu 30 peratus.

Menurut pekebun itu, pelanggan yang makan durian duri hitam pada bulan ini dianggap bertuah kerana belum banyak buah luruh ketika ini.

"Pelancong dan usahawan tempatan sanggup '*walk in*' ke kedai semata-mata membeli hanya sebiji duri hitam," katanya.

Dalam pada itu, Chee Keat memberitahu, faktor cuaca yang tidak menentu menyebabkan putik yang berbunga pada November dan Disember tahun lalu tak menjadi berbanding yang tumbuh ketika sambutan Tahun Baharu Cina lepas.



CHEE KEAT menunjukkan buah durian duri hitam mempunyai isi manis, berlemak dan pahit (gambar kecil) yang sudah ditempah di kebunnya di Balik Pulau semalam.



JARING dipasang di bawah pokok durian di kebun Chee Keat bagi mengelakkannya terkena tanah ketika gugur.

**Durian**

**Duri hitam**
- Lemak, manis dan pahit
- Isi berbau aroma bunga karamel

**Musang king**
- Rasa lemak manis
- Isi buahnya wangi susu

**Kedudukan durian mengikut jenis**
- Duri hitam (RM200-RM300 sebiji) RM90/120 kg
- Musang king (RM100-RM120 sebiji) RM60/65 kg
- Udang merah (RM50-RM75) RM35/42 kg
- Horlo (RM50-RM75) RM35/42 kg
- Kapri (RM45-RM60) RM32/35 kg
- Tekka (RM40-RM60) RM30/32 kg
- Tupai king (RM40-RM60) 30/32kg

# Belum musim luruh tetapi sudah ada pelanggan yang menempah

PONTIAN – Pekebun durian di daerah ini mendakwa pokok-pokok yang sedang lebat berbunga ketika ini mampu mengeluarkan buah sehingga 400,000 biji dalam tempoh dua bulan lagi.

Seorang pekebun, Azmi Mohamed, 51, berkata, kesemua pokok durian yang ditanam di kebun seluas 4.4 hektar miliknya di Kampung Melayu Raya di sini sedang berbuah dengan lebat ketika ini.

"Terdapat 140 jenis pokok durian kampung dan kahwin yang akan gugur tidak lama lagi. Ia mampu mengeluarkan hasil antara 300,000 hingga 400,000 biji buah.

"Saya hanya menjual kepada pelanggan tetap dari Johor Bahru, Pasir Gudang, Kota Tinggi dan sekitar Pontian. Mengenai harga, biar kualiti yang menentukannya," katanya.

Menurut Azmi, dia menyertai program Amalan Pertanian Baik yang membolehkannya mendapatkan khidmat nasihat mengenai baja, kawalan penyakit dan penggunaan racun.

Seorang lagi pekebun, Jais Munaseri, 50, berkata, kesemua 20 batang pokok durian miliknya di Kampung Paya Embun juga sedang berbuah lebat.

"Saya anggarkan sebanyak 5,000 biji buah durian akan dapat dikeluarkan sebagai 'bonus' tahunan bagi penduduk kampung.

"Ketika ini sudah ramai yang menghubungi saya untuk menempah durian Pontian. Kesemuanya ialah pelanggan tetap," katanya.



AZMI (kiri) dan Jais Munaseri (kanan) menunjukkan buah durian yang semakin membesar di dusun di Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, Pontian semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | BERITA HARIAN | BISNES | 36 |


# Harga gandum cecah rekod tertinggi baharu

**Harga** gandum melonjak ke rekod tertinggi baharu dalam dagangan di Eropah selepas India memutuskan untuk melarang eksport komoditi itu ketika gelombang haba menjejaskan pengeluaran.

Harga gandum melonjak kepada 438.25 euro (AS$456.68) satu tan apabila pasaran Euronext ditutup, mengatasi rekod penutup sebelumnya sebanyak 422.40 euro yang dicatatkan pada 7 Mac lalu, menurut peniaga di firma pembrokeran bijirin Inter-Courtage, Damien Vercambre.

Ia sebelum ini mencatat rekod harga pembukaan sebanyak 435 euro.

Dalam pasaran Chicago Board of Trade, gandum didagangkan hampir enam peratus lebih tinggi ketika dagangan tengah hari pada AS$12.48 segantang.

Harga gandum global melonjak 40 peratus berikutan kebimbangan bekalan sejak pencerobohan Russia ke atas Ukraine, antara pengeksport utama Februari lalu, yang sebelum ini menyumbang 12 peratus daripada eksport global.

Peningkatan itu, diburukkan lagi oleh kekurangan baja dan hasil tuaian yang lemah, mendorong inflasi di seluruh dunia dan menimbulkan kebimbangan terhadap kebuluran serta pergolakan sosial di negara miskin.

India, pengeluar gandum kedua terbesar di dunia, baru-baru ini mengumumkan bahawa ia menyekatkan eksport selepas mencatatkan rekod suhu paling panas pada Mac, dengan peniaga memerlukan kelulusan kerajaan untuk memeterai perjanjian baharu.

New Delhi berkata langkah itu diperlukan untuk melindungi keselamatan makanan 1.4 bilion penduduknya sendiri dalam menghadapi pengeluaran yang lebih rendah dan harga global yang lebih tinggi secara mendadak.

Beberapa bahagian di India menyaksikan harga gandum dan tepung melonjak 20 hingga 40 peratus dalam beberapa minggu kebelakangan ini, kata Setiausaha Perdagangan, BVR Subrahmanyam pada Ahad.

Berikutan kenaikan mendadak harga global, sesetengah petani menjual kepada peniaga dan bukan kepada kerajaan.

Ini menyebabkan kerajaan bimbang mengenai stok penimbalnya yang berjumlah hampir 20 juta tan, habis akibat wabak, diperlukan untuk diberikan kepada jutaan keluarga miskin dan untuk mengelakkan sebarang kemungkinan kebuluran.

"Ia berbeza dengan Russia yang mempunyai kuota eksport dan sistem cukai selama bertahun-tahun, India sudah pasti menghadapi lebih banyak kesukaran untuk mengawal eksport," kata Vercambre.

Larangan eksport itu mendapat kritikan keras daripada kumpulan tujuh negara perindustrian (G7), yang berkata bahawa langkah sedemikian 'akan memburukkan lagi krisis' kenaikan harga komoditi. AFP



*Pekerja mengisi gandum ke dalam guni di sebuah gudang di Ahmedabad. India melarang eksport gandum ketika gelombang haba menjejaskan pengeluaran.* (REUTERS)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 10 |



Kata Editor

**Oleh MOHAMAD AZLAN JAAFAR**
PENGARANG KUMPULAN
MEDIA MULIA

# Apa barang yang tidak naik

**SEJAK** beberapa minggu ini kita banyak terdengar mengenai rungutan isu makanan. Harga barangan keperluan naik. Harga makanan naik kerana bahan asas juga naik. Tiada benda yang tidak naik.

Kenaikan harga memang jelas terasa. Jika anda biasa membeli seketul ayam yang dahulu RM4, kini perlu membayar RM4.50. Harga keperluan dapur seperti sayur dan bahan asas lain tidak ketinggalan naik. Jika dulu dengan RM100, bakul barangan mungkin berjumlah 15 barangan. Kini RM100 yang sama, ia menjadi 12 barangan.

Permintaan tinggi ketika Ramadan dan kini Syawal dan Aidilfitri memberi tekanan kepada harga. Apabila barang itu dikehendaki, ia naik harga. Ini lebih-lebih lagi apabila terdapat gangguan atau kekurangan bekalan.

Akhbar ini telah melaporkan mengenai kekurangan bekalan di kawasan tertentu termasuk tepung selain kenaikan harga barang yang berasaskan tepung. Kenaikan kos juga dikaitkan kenaikan gaji minimum kepada RM1,500. Kenaikan kos gaji asas tidak termasuk caruman memberi kesan kepada perniagaan terutama bersaiz besar contohnya pengilang. Untuk setiap 100 pekerja yang digaji, kenaikan itu membabitkan kos tambahan RM30,000 tidak termasuk kos caruman.

Jadi pengilang akan 'pass' kos itu kepada pembeli bagi mengekalkan keuntungan walaupun sebelum ini mereka sememangnya meraih keuntungan. Tiada yang berniaga untuk rugi. Cuma apabila kos naik, secara lazimnya mereka akan menaikkan harga barangan.

Kenaikan ini bukan hanya di Malaysia. Di seluruh dunia pengguna berhadapan kenaikan harga terutama komoditi asas seperti gandum, gula, minyak kelapa sawit, minyak dan beras.

Cuma di Malaysia, kita tidak merasaikan kenaikan itu secara mendadak kerana semua keperluan asas ditetapkan harga oleh kerajaan menerusi subsidi. Pengawalan agensi seperti beras dan penyimpanan stok memastikan harga beras kekal rendah dan tidak terdedah kepada naik turun yang drastik.

Pengawalan harga menerusi subsidi seperti minyak RON95 membolehkannya kekal pada RM2.05. Tanpa subsidi, ia mungkin menghampiri RM4 seperti RON97. Cuma ketika harga minyak mencecah AS$147 setong pada 2004, harga RON97 hanya RM2.70. Kini harga minyak dunia sekitar AS$110 setong. Mungkin dahulu guna kalkulator, sekarang mereka memakai sempoa.

Nilai ringgit rapuh juga menjadikan barangan import termasuk makanan menjadi mahal. Tahun ini sahaja nilai ringgit susut lima peratus berbanding dolar. Jika diambil kira dua tahun lalu, untuk setiap dolar, kita perlu tambah 30 sen. Jadi bayangkan import makanan berjumlah AS$1 bilion, dalam nilai ringgit, kita harus tambah RM68 juta.

Ini menjadikan kita lebih 'miskin' dalam mengimport barangan makanan. Itu tidak termasuk peningkatan kos penghantaran. Semuanya dalam dolar.

Kenaikan harga bukan sahaja di Malaysia. Ia fenomena global dan dirasai di seluruh dunia. Semua penduduk dunia perlu membayar lebih.

Kebimbangan kini apabila harga barang asas ini turun kelak, adakah peniaga akan menurunkan harga kelak.

Malaysia unik kerana tidak seperti hujan, apa yang naik tidak turun.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | SINAR HARIAN | WARNA-WARNI KEHIDUPAN | 21 |

# Rezeki tangkap anak ikan kelah



Muhammad Syahrizal (kiri) bersama Muhammad Sharil Hakim melakukan aktiviti menyauk anak ikan kelah merah di Sungai Belukar Bukit, Hulu Terengganu.

Aktiviti berkenaan biasanya dilakukan pada sebelah petang selepas waktu persekolahan.

**Biarpun sekadar hobi, tiga sahabat berjaya hasilkan duit poket sendiri**

**HULU TERENGGANU**

Hobi menangkap anak ikan kelah merah membolehkan tiga sahabat dari Kampung Bukit di sini menambah duit poket bagi perbelanjaan ke sekolah, sekali gus meringankan beban ibu bapa masing-masing.

Biasanya, Muhammad Syahrizal Aiman Abdullah, 14, bersama rakannya, Muhammad Sharil Hakim Mat Nawang, 12, dan Muhammad Faizal Ikhwan Ismail, 11, akan keluar mencari spesies ikan sungai itu pada waktu petang selepas tamat waktu persekolahan.

Muhammad Syahrizal Aiman berkata, mereka menggunakan penapis air bagi menyauk anak ikan kelah merah yang banyak terdapat di sepanjang Sungai Belukar Bukit dan setiap seekor dijual antara 30 dan 40 sen bergantung kepada saiz.

"Jualan tak menentu, tengok nasib berapa jumlah anak ikan yang berjaya ditangkap. Paling banyak yang pernah saya dapat RM200, itu pun setelah sehari suntuk menyauk ikan.

"Ramai pembeli yang sudah kenal saya akan datang ke sini bagi mendapatkan anak ikan kelah. Biasanya ia dijual semula pada harga lebih tinggi untuk pasaran luar," katanya ketika ditemui di sini.

Muhammad Sharil Hakim pula berkata, keghairahan mereka dengan hobi itu bagaimanapun tidak menjejaskan pelajaran kerana aktiviti tersebut hanya dilakukan pada musim cuti sekolah, cuti umum atau waktu petang sahaja.

"Saya akan pastikan semua kerja sekolah siap, baru boleh keluar cari anak ikan di sungai. Emak dan ayah selalu ingatkan saya agar tidak terlalu leka dengan hobi ini," kata murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Betong di sini itu.

Sementara itu, Hafidah Othman, 48, yang merupakan ibu kepada Muhammad Faizal Ikhwan berkata, dia memahami minat anaknya itu, namun sentiasa mengingatkan agar menitikberatkan aspek keselamatan sepanjang berada di sungai.

"Syukur, hobi ini sekurang-kurangnya dapat memberi pendapatan kepada dia bagi membeli apa sahaja yang diinginkan. Jumlah yang diperoleh bukan perkara utama.

"Hobi ini juga secara tidak langsung dapat menjauhkan mereka daripada gajet yang menjadi kegilaan anak-anak zaman sekarang, selain dapat mendidik mereka menghargai alam semula jadi," katanya. - *Bernama*





Dari kanan: Muhammad Faizal Ikhwan, Muhammad Syahrizal Aiman dan Muhammad Sharil Hakim mencari anak ikan kelah merah di Sungai Belukar Bukit, Hulu Terengganu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | SINAR HARIAN | TEPUNG GANDUM NAIK HARGA | 15 |

# Rakyat resah tepung gandum naik harga

Kenaikan harga itu mula dikesan sejak bulan Ramadan lalu

Laporan ENGKU SHARIFUL AZNI dan HAZELEN LIANA KAMARUDIN

SHAH ALAM

Selepas beberapa barangan keperluan asas mengalami kenaikan harga sejak kebelakangan ini, kini tepung gandum turut mengikut trend peningkatan harga sejak beberapa minggu lalu.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa pasar raya dan kedai runcit di Seksyen 30 dan 32 di sini pada Selasa mendapati walaupun bekalan tepung gandum masih terkawal, namun harganya mengalami peningkatan sebanyak 20 hingga 30 sen sekilogram.

Penyelia sebuah pasar mini di Seksyen 30 di sini, Fazilah Mohd Mukhsin berkata, kenaikan harga tepung gandum mula dikesan sejak bulan Ramadan lalu.

Lebih merisaukan, dia turut dimaklumkan oleh pembekalnya bahawa harga barangan tersebut dijangka terus meningkat dalam masa terdekat.

"Buat masa ini (bekalan tepung gandum) masih baik, tapi harganya sudah meningkat sekitar RM3 hingga RM4 sekotak yang mengandungi 10 pek tepung gandum seberat sekilogram.



Mardiana masih mengekalkan harga roti canai kosong sebanyak RM1 yang dijual di kedainya demi pelanggan walaupun terpaksa menanggung kerugian sekitar 30 peratus akibat kenaikan harga tepung gandum.



FAZILAH



MARDIANA



ANIS FARHANA

"Tapi saya dengar harga tersebut dijangka terus meningkat, tidak pasti berapa banyak tapi kita akan lihat dalam masa dua minggu lagi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Pengusaha kedai makan di Seksyen 30 di sini, Mardiana Othman, 47, pula berkata, walaupun harga tepung gandum meningkat, dia masih menjual roti canai kosong pada harga RM1 sekeping.

Bagaimanapun, dia resah dengan peningkatan harga barangan tersebut kerana keuntungan yang diperolehnya menurun sebanyak 20 hingga 30 peratus.

"Saya masih jual roti canai kosong berharga RM1, cuma margin keuntungan saya menurun sebanyak 20 hingga 30 peratus.

"Kami harap perkara ini tidak berlarutan dan kembali stabil, sebab itu kami masih kekalkan harga walaupun menanggung rugi," katanya yang berniaga di sini sejak tujuh tahun lalu.

Bagi peniaga kuih muih, Anis Farhana Khawari, 33, walaupun harga tepung gandum meningkat, dia masih mampu menjual juadahnya pada harga berpatutan.

"Saya tidak mempunyai masalah untuk dapatkan bekalan tepung, tapi ia sudah naik sebanyak 20 sen hingga 30 sen.

"Hanya kedai saya yang masih menjual harga 40 sen untuk sebiji kuih dan RM2 untuk lima biji kuih, (kedai) yang lain semua sudah naikkan harga," katanya yang berniaga di sini sejak tahun 2006.



Tinjauan bekalan tepung gandum di sebuah pasar mini di Seksyen 30, Shah Alam dilihat masih mencukupi untuk pengguna.

## Peniaga roti canai, roti tempayan kecilkan pengeluaran

**KOTA BHARU** - Peniaga roti canai dan roti tempayan di negeri ini terpaksa mengambil langkah awal dengan mengecilkan pengeluaran bagi mengelakkan kesukaran mendapatkan bekalan gandum yang dilaporkan akan terputus tidak lama lagi.

Difahamkan bekalan gandum akan berkurangan di pasaran susulan India yang merupakan salah satu negara pengeluar tidak akan mengeksport bahan mentah tersebut, selain krisis Ukraine dan Rusia masih berpanjang.

Selain itu, peniaga turut diselubungi kebimbangan apabila harga bahan mentah yang menjadi nadi utama dalam penghasilan makanan tersebut mengalami kenaikan.

Peniaga, Mohd Faizul Rohban Ahmad berkata, setiap hari dia menggunakan dua guni tepung gandum putih dan satu guni tepung gandum merah untuk menghasilkan roti canai serta roti tempayan.

"Namun jumlah penggunaan tepung tersebut terpaksa dikurangkan dengan mengehadkan penghasilan roti canai serta roti tempayan. Langkah itu terpaksa dilakukan bagi mengelakkan kami daripada menutup operasi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, pembukaan semua sektor ekonomi sejurus negara melangkah ke fasa peralihan endemik akibat Covid-19 pada 1 April lalu amat menggembirakan apabila perniagaan kembali rancak seperti sebelumnya.

Bagaimanapun Mohd Faizul berkata, kenaikan harga dan kekurangan bekalan di pasaran merencatkan sedikit pemulihan perniagaannya itu.

Katanya, ketika ini tepung gandum yang digunakan untuk menghasilkan roti tempayan mengalami kenaikan sebanyak RM10 untuk satu guni dan ia merupakan satu jumlah yang agak besar.

"Jika keadaan ini tidak diatasi agak sukar juga untuk saya menurut saranan kerajaan melaksanakan gaji minimum RM1,500 kepada pekerja.

"Hal ini kerana, tanpa gandum bagaimana ekonomi kedai kami hendak bergerak dan melaksanakan arahan gaji minimum," ujarnya.

Pemborong, Kamarul Nizam Mustapa, 46, pula berkata, buat masa ini bekalan tepung gandum masih lagi mencukupi dan boleh dijual seperti biasa kepada peruncit.

Bagaimanapun katanya, untuk tempoh jangka panjang jumlah bekalan itu tidak dapat dipastikan selepas ura-ura mengatakan pengeluar utama dunia iaitu India enggan mengeksport bahan tersebut.

"Bagi memastikan bekalan terus cukup saya mengehadkan penjualan. Jangan bimbang harga jualan masih lagi kekal seperti biasa sebagaimana yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Sementara itu, pengguna, Nurul Yusoff, 34, berkata, kerajaan perlu mengambil langkah segera bagi mengelakkan bekalan tepung gandum terputus di pasaran.

"Bukan sahaja gandum, barangan lain turut perlu diberikan perhatian terutama dari segi harga.

"Jadi saya harap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dapat turun padang untuk membuat pemantauan setiap hari," katanya.



Mohd Faizul (depan) terpaksa mengurangkan pengeluaran roti canai dan roti tempayan ekoran desas-desus kekurangan bekalan tepung gandum di pasaran ketika ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | SINAR HARIAN | SUARA SINAR | 14 |

# Apabila semua barang naik harga



ANALISIS MUKA 16

SYAMILAH ZULKIFLI

Nampaknya bermula 1 Jun ini, golongan ibu-ibu kenalah terima hakikat bahawa kedai 'berhantu' kegilaan mereka, Eco-Shop yang menjual pelbagai barangan dengan harga RM2.20 terpaksa menaikkannya kepada RM2.40.

Syarikat berkenaan memaklumkan, kenaikan itu terpaksa dibuat disebabkan faktor peningkatan kos yang perlu ditanggung mereka.

Sebenarnya bukan kali pertama kedai serbaneka itu menaikkan harga. Kali pertama pada 1 Disember lalu apabila kesemua barangan yang dijual dengan harga RM2.10 dinaikkan 10 sen kepada RM2.20. Bermula bulan depan, dinaikkan kepada RM2.40 pula.

Selain Eco-Shop, sebuah lagi kedai serbaneka, Ninso juga terpaksa mengikut langkah sama menaikkan harga kesemua barangannya daripada RM2.20 kepada RM2.30 mulai April lalu.

Kedua-dua kedai itu boleh dikatakan sebelum ini 'penyelamat' kepada rakyat marhaen bagi mendapatkan harga murah. Namun, kalau barang di kedai sebegitu juga terpaksa menaikkan harga, apatah lagi kedai-kedai lain.

Hakikatnya, isu kenaikan harga barang terus membelenggu kita semua. Dari soal harga ayam yang tak selesai, kini harga sayur-sayuran juga naik. Selepas ini, apa pula. Bukan sekadar bahan mentah, tapi semua sektor juga nampaknya sudah mula berlumba-lumba menaikkan harga.

Ramai yang mendakwa isu kenaikan harga semakin meruncing dan ada laporan mengatakan harga barang keperluan dijangka naik sehingga 60 peratus. Paling menakutkan, mungkin membawa negara ke ambang krisis makanan.

Baru-baru ini, India membuat keputusan menghentikan eksport gandum dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan makanannya. Apabila negara itu menghentikan eksport gandum, sudah tentu harga tepung gandum akan turut naik.

Dilaporkan harga penanda aras komoditi itu telah melonjak sebanyak 5.9 peratus di Chicago.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerusi kenyataan Ketua Unit Komunikasi Korporatnya, Yunus Tasim sebelum ini menjelaskan, tindakan India yang menyekat eksport gandum tidak akan menjejaskan bekalan tepung gandum untuk kegunaan am di negara ini.

Ini kerana, katanya, Malaysia tidak mengimport gandum dari India sebaliknya 80 peratus bijian itu diimport dari Australia selain Amerika Syarikat, Kanada dan Ukraine.

Walau apa kenyataan diberi ketika ini, ia tetap membuatkan rakyat resah. Perlu diakui bahawa kenaikan harga bahan mentah itu ada kesan rantaian yang panjang jika tidak ditangani dengan berkesan. Ia tidak akan berhenti.

Sudah pasti selepas ini harga makanan berasaskan gandum seperti roti, biskut pasta, mi dan roti canai yang merupakan menu sarapan pagi kegemaran rakyat Malaysia juga akan naik sama.

Buktinya sudah ada apabila harga ayam yang dulunya boleh dibeli dengan harga antara RM5 dan RM7.50 sekilo, kini mencecah sehingga RM12 sekilo. Ia berikutan kos makanan khususnya dedak ayam susulan harga import jagung yang naik.

Pada waktu begini pula Bank Negara Malaysia (BNM) memutuskan untuk menaikkan Dasar Semalaman (OPR) yang menjadi penanda aras rujukan kadar faedah pinjaman domestik sebanyak 25 mata asas kepada 2.00 peratus.

Secara mudahnya apabila OPR naik, automatik bayaran ansuran pinjaman kepada bank akan naik. Kelayakan untuk membuat pinjaman baharu dengan pihak bank juga akan diperketatkan.

Walaupun pakar ekonomi menjelaskan, apabila OPR naik bermakna keadaan ekonomi negara makin pulih. Namun realitinya, rakyat terutama golongan B40 akan terus dibebani kos-kos hidup yang semakin meningkat.

Walaupun Malaysia mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan pasaran bebas, namun kerajaan perlu memainkan peranan secara holistik dalam isu harga barang supaya tidak dimanipulasi peniaga.

Kerajaan bukan saja perlu mendengar dan menjawab keluhan rakyat, tetapi lebih penting bertindak pantas dan tegas.

Kalau bukan kepada kerajaan untuk rakyat bergantung harap, kepada siapa lagi perlu diharapkan?

** Syamilah Zulkifli ialah Wartawan Sinar Harian*

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

## Perang di Ukraine pun punca musang king naik harga

**SEJAK** beberapa hari lalu ramai peminat raja buah yang resah, tidak terkecuali Merak Jalanan.

Apa tidaknya, musim durian sudah kembali tapi Timbalan Menteri Pertanian dah bagi *warning* harga durian tahun ini dijangka naik sekali ganda.

Jadi kalau dihitung congak, jika kebiasaannya Merak Jalanan 'pekena' durian harganya RM45-RM50 sekilogram, maka musim ini harga tersebut mungkin mencecah RM100 sekilogram.

Buah musang king bersaiz sederhana biasanya sekitar 1.5 kilogram, ini bermakna untuk sebiji buah durian yang mungkin ada beberapa ulas harganya boleh sampai RM150.

Maka tidak hairanlah, ramai yang menyebut harga durian musang king tahun ini, memang harga kayangan.

Rakan-rakan Merak Jalanan di Pulau Pinang pun mengirim mesej yang sama mengenai durian.

"Kalau nak makan durian di Balik Pulau, eloklah tunggu dulu. Harga tengah tinggi, sebab awal musim."

Lantas sejak beberapa hari lalu, walaupun melalui gerai-gerai durian di sekitar Shah Alam dan Ampang, setakat ini terpaksalah ambil baunya dahulu.

Tunggulah harga durian turun sedikit baru puas hati makan.

Itupun dengan harapan buah durian akan lebih banyak hasilnya menjelang Jun nanti.

Walaupun Timbalan Menteri memaklumkan kenaikan harga sebab hasil durian tahun ini merosot, tapi beberapa peladang turut mengaitkannya dengan peningkatan kos.

Daripada temu bual beberapa rakan wartawan Merak Jalanan, peladang memaklumkan kos operasi dan harga baja juga naik berbanding tahun lalu.

Kata mereka, kos baja naik impak perang Rusia dan Ukraine.

Merak Jalanan harap kerajaan dapat segera mencari pengeluar baja pertanian daripada negara lain selain Rusia dan Ukraine. Jika tidak, harga durian yang sudah mahal, akan makin mahal selepas ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

# Peniaga guna tanda harga mengelirukan

- Tidak meletakkan tanda harga pada ayam kerana menjualnya melebihi harga kawalan, sebaliknya hanya pamer tanda harga bagi bahagian tertentu seperti kepak, paha, isi ayam, hati dan pedal
- Menutup harga ayam standard di tanda harga dengan menampal guna kertas, manakala ada peniaga ayam membiarkannya kosong.
- Peniaga yang gagal letak tanda harga berdepan denda maksimum RM50,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya.

*Nasional* 2






**JAKIM cari 'The Hood Man,' pemberi maklumat isu loji sembelihan di Australia didakwa tidak patuh SOP halal**

*Nasional* 9

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Kerajaan disaran aktif semula majlis khas



*Muhyiddin ketika mempengerusikan Mesyuarat MPN di Putrajaya, semalam.* (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

## Langkah tangani masalah sekuriti makanan, atasi krisis dihadapi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan disaran mengaktifkan semula majlis khas yang pernah ditubuhkan untuk menangani masalah sekuriti makanan negara, sekali gus mencari jalan mengatasi krisis dihadapi.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata menerusi pengaktifan semula majlis berkenaan, kerajaan boleh meningkatkan hasil pengeluaran dalam negara.

"Ini masalah global dan Malaysia tidak terkecuali berdepan masalah bekalan bahan makanan yang agak terjejas selepas pandemik apabila sektor pengeluaran makanan seperti bahan makanan asas semakin berkurangan.

"Berikutan itu, kita cadangkan kerajaan aktifkan semula majlis yang sudah ada sebelum ini, kerana ia dapat meningkatkan hasil pengeluaran dalam negara, seperti bahan makanan kita. Ada (bahan makanan) sudah dikeluarkan, namun ia belum sampai ke tahap sara diri.

"Sebab itu, kita masih mengimport dan terpaksa membayar harga lebih tinggi, seterusnya pengguna di negara ini terpaksa menanggung beban kerana harga barang makanan meningkat," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat MPN di Kementerian Kewangan, semalam.

Katanya, Malaysia sebenarnya berupaya mengeluarkan bahan makanan sendiri, namun sektor berkenaan belum diteroka secara meluas, antaranya berkaitan penggunaan teknologi dan bekalan tenaga kerja.

"Ini semua penting walaupun ketika endemik kita perlu ambil perhatian segera," katanya menjelaskan, pengaktifan semula majlis itu bukan jalan penyelesaian, namun boleh menjadi antara langkah menangani masalah agromakanan sedang dihadapi negara.

"Banyak sebenarnya isu berkaitan pembangunan sektor agromakanan yang boleh diberi tumpuan, sekali gus mendorong pelabur mempertingkatkan sektor pertanian di negara ini dan membantu menangani masalah jaminan makanan," katanya.

Pada 8 September 2020, Muhyiddin yang ketika itu Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara.

Mesyuarat bersetuju memperakukan cadangan Kerangka Sekuriti Makanan Negara seperti disarankan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO).

Menerusi kerangka berkenaan, empat kluster diwujudkan di bawah tiga kementerian dan satu agensi yang berfungsi mengetengahkan isu dan cadangan penyelesaian berhubung rantaian sistem makanan serta pelaksanaan strategi dikenal pasti.

Kluster itu ialah Kluster Ketersediaan di bawah Sekretariat Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kluster Kebolehcapaian di bawah Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dua lagi kluster ialah Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan di bawah Sekretariat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK), Kementerian Kesihatan serta Kluster Kestabilan dan Kemampanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Majlis Keselamatan Negara.

Muhyiddin berkata, MPN turut mengesyorkan kerajaan untuk merangka inisiatif serta bantuan bagi meningkatkan kapasiti penggiat industri pelancongan yang terjejas teruk sejak dua tahun lalu akibat pandemik COVID-19.

Katanya, ketibaan pelancong ke Malaysia berkurang sebanyak 99.5 peratus pada tahun lalu, berbanding 2019 dan sebelum pandemik, namun Tourism Malaysia berpendapat masih ada peluang menambah baik sektor itu.

"Ia berikutan kejayaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) serta pembukaan semula sempadan antarabangsa. MPN sudah membincangkan cadangan Tourism Malaysia dan pada dasarnya sokong dilaksanakan segera bagi memperkukuhkan lagi pemulihan sektor ini," katanya.

Beliau berkata, penutupan pintu sempadan dan penutupan penuh di China turut memberi kesan kepada sektor pelancongan negara dengan jumlah kedatangan pelancong China sebelum ini dianggar tiga juta, tidak lagi boleh memasuki Malaysia berikutan penutupan sempadan negara itu.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, MPN optimis bahawa prestasi suku kedua Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) juga akan menunjukkan pertambahan yang lebih baik, namun perlu berwaspada dengan cabaran-cabaran global masa kini.

"Tiga perkembangan yang harus dipantau rapat adalah perang di Ukraine, status COVID-19 di China dengan risiko sekatan pergerakan (lockdown) yang berpanjangan serta kemunculan varian baharu jangkitan berkenaan.

"MPN juga berpendapat, usaha terus perlu dilaksanakan bagi memastikan sektor-sektor ekonomi pulih secara sekata dan peluang pekerjaan berimpak tinggi diwujudkan," katanya.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri berkata, Majlis Pemulihan Negeri dilihat masih relevan meskipun negara sedang beralih ke fasa endemik kerana isu pemulihan bukan berkait peranan dan tanggungjawab bidang kuasa kerajaan Persekutuan sahaja.

"Kerajaan negeri juga berkuasa dalam bidang tertentu dan pihak berkuasa tempatan (PBT) turut berperanan. Ada setengah masalah itu bukan masalah nasional dan ia berkaitan negeri serta kawasan tempatan, semua ada kesan secepat mana negara boleh pulih.

"Penubuhan Majlis Pemulihan Negeri ini sudah dipersetujui, hanya tunggu Perdana Menteri (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob) untuk tandatangan surat supaya kerajaan negeri dapat membentuk Majlis Pemulihan Negeri dalam tempoh terdekat," katanya.

Ditanya adakah peningkatan kes COVID-19 mendadak ketika ini akan membantutkan usaha negara memasuki fasa endemik sepenuhnya, Muhyiddn berkata, keadaan negara kini masih terkawal dan hospital awam tidak berdepan tekanan serius.

# Peruncit resah bekalan tepung susut, lambat

**Georgetown:** Peruncit sekitar bandar ini resah apabila stok tepung di kedai masing-masing kian menyusut dan terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan bekalan bahan berkenaan daripada pemborong.

Peniaga di Pasar Awam Jalan Anson, Khoo Yeng Peng, 76, berkata dia hanya menjual tepung cap Sauh yang cuma tinggal 15 paket semalam dan tidak tahu bila bekalan tepung jenama berkenaan akan sampai.

"Sebelum ini, setiap kali buat tempahan dengan pemborong di Lebuh Macallum, mereka mesti hantar, sekarang sudah lebih seminggu masih belum sampai. Cuma saya belum fikir untuk catu jualan dan percaya akan dapat stok tidak lama lagi.

"Harga tepung cap Sauh saya jual RM3.50 berbanding RM2.80 beberapa bulan lalu. Tepung cap Ros lebih murah, tetapi sudah lama tidak dapat bekalan," katanya ketika ditemui *BH*, semalam.

Menurutnya, barangan berkait tepung seperti biskut dan roti juga lambat sampai dan pekedai terpaksa menunggu sehingga tiga minggu untuk mendapatkan stok baharu berbanding setiap minggu sebelum ini.

"Sos cili, sardin dan kicap sekarang semua kena tunggu lama. Satu lagi barang yang kerap pelanggan tanya ialah minyak paket yang saya sudah lama tidak jual kerana tiada stok," katanya.

Pengusaha kedai runcit di Jalan Sungai Dua, Syeriffah Muhd Zaman, 53, berkata desas-desus bekalan tepung hanya dapat bertahan sehingga Julai, sedikit sebanyak membimbangkan peniaga kecil sepertinya.

"Saya bimbang kalau ada pemborong sengaja tahan stok dan akan buat harga melambung tinggi pada masa akan datang. Sekarang kami tak catu pembelian tepung kerana bekalan masih ada, kami jual pelbagai jenama tepung pada harga RM2.30 hingga RM3.80," katanya.

Di **Kuala Lumpur**, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjelaskan, Malaysia tidak terjejas dengan larangan eksport gandum oleh India kerana negara bergantung 80 peratus bahan itu dari Australia, selebihnya Amerika Syarikat (AS), Kanada dan Ukraine.

"Larangan eksport gandum dari India susulan gelombang haba akibat cuaca panas terik, ia tidak jejas bekalan gandum negara," menurut KPDNHEP sambil memaklumkan, 2,200 penguat kuasa sentiasa memantau bagi memastikan bekalan tepung bersubsidi, tidak bersubsidi stabil di pasaran.

Malah, katanya, sebelum ini serbuan turut dibuat ke beberapa premis perniagaan di beberapa negeri susulan ada peniaga sengaja menyorokkan bekalan minyak masak dan tepung gandum bersubsidi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | NST | MUKA DEPAN | 1 |

# No respite for consumers as chicken prices continue to breach ceiling

» PAGE 4



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | NST | NEWS/NATION | 2 |

BOOSTING THE ECONOMY

# STATES TO INITIATE NRC-STYLE PANELS

## Implementation will kick off once PM signs approval letter, says Muhyiddin

VEENA BABULAL
**PUTRAJAYA:**
news@nst.com.my



*National Recovery Council chairman Tan Sri Muhyiddin Yassin speaking at the council's meeting at the Finance Ministry in Putrajaya yesterday.* PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

ALL states are expected to have their own recovery committees, similar to the National Recovery Council, soon.

Council chairman Tan Sri Muhyiddin Yassin said the cabinet had approved the setting up of the committees to speed up the process of recovering the national economy, among others.

The former prime minister said this after taking questions from the press on the relevance of the council, which he chairs, especially now that the government had embraced endemicity.

"Yes, they (the council and committees) are still relevant to chart the way to recovery. That responsibility should not be solely on the (shoulders of the) federal government, but also on the shoulders of the states.

"This is because the local authorities have the duty and responsibility of resolving issues that are very localised," he said after chairing the National Recovery Council meeting at the Finance Ministry here yesterday.

He said the cabinet had approved the proposal in principle and only required the sign-off from Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob for its implementation.

"The council and the cabinet have approved the proposal, and all the prime minister needs to do is to sign the letter."

The National Recovery Plan was launched by Muhyiddin when he was the then prime minister.

Earlier, the government had announced that the nation would make the transition into the endemic phase of the national recovery after the Covid-19 pandemic, starting from April 1.

This saw the lifting of restrictions and the opening of economic sectors and international borders. Currently, there is no sector or industry that remains on the Covid-19 negative list.

Muhyiddin said the council also discussed the war in Ukraine and the lockdown in China due to Covid-19, which would affect the food supply chains and accelerate inflation.

He also said the council intended to hold its inaugural conference at the year-end where it would present its plans to map out the nation's recovery.

Meanwhile, Muhyiddin said the government had been urged to reactivate the special council on food security that was previously set up to address food crises to push the increase of food production in the country following the backlash resulting from global disruption to (food) chains and supplies.

"This is a global problem and Malaysia is no exception in facing the effects of a somewhat declining food production sector post-pandemic.

"It has also led to a dip in essential supplies of foodstuff."

He said the council had proposed the reactivation of the council to ensure food production was increased to reach the level of local sufficiency.

"We have not reached that level, so we still import and have to pay higher prices.

"Consumers have to bear the burden of high food prices."

Muhyiddin said although the country was able to produce its own food items, the sector was not widely tapped.

"Among them is the use of technology and the supply of manpower. These are all important aspects. Even with Covid-19 entering the endemic (phase), we need to take immediate measures to address the issue."

Muhyiddin said the reactivation of the council was not a solution, but could be crucial to address the agro-food problems faced by the country.

"There are many issues related to the development of the agro-food sector that we can focus on such as encouraging investors to improve the agricultural sector and address the problem of food security."

On Sept 8, 2020, Muhyiddin chaired the first meeting of the Cabinet Committee on National Food Security Policy, which agreed to the proposed National Food Security Framework, as recommended by the United Nations Food and Agriculture Organisation. Under the framework, four clusters were set up under three ministries and one agency to highlight issues and propose solutions in relation to food supply chains, as well as the implementation of identified strategies. They are the Availability Cluster under the Secretariat of the National Agricultural Advisory Council of the Agriculture and Food Industry Ministry; the Accessibility Cluster under the Secretariat of National Action Council on Cost of Living of the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry; the Food and Nutrition Safety Cluster under the Secretariat of the National Food Safety and Nutrition Council of the Health Ministry; and the Stability and Sustainability Cluster under the Secretariat of the National Food Security Policy of the Agriculture and Food Industry Ministry.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | NST | NEWS/NATION | 4 |

SHARP INCREASE

# 'CEILING PRICE FOR CHICKEN NOT FEASIBLE'

Some traders unable to comply as suppliers are charging them more than RM8.90 per kg

MOHAMED FARID NOH
**JOHOR BARU**
news@nst.com.my



*Customers surveying fresh chicken prices at a supermarket in Tampoi, Johor Baru, yesterday.* PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

THE prices of fresh chicken sold since the fifth day of Hari Raya Aidilfitri have increased between RM9.50 and RM10.50 per kilogramme, which is above the ceiling price set at RM8.90 per kg.

Checks at major wet markets in Tampoi and Kempas, here, showed that most traders did not comply with the ceiling price and sold the poultry between 60 sen and RM1.60 higher than the controlled price.

Price tags for chicken products were also not put up by some traders. Instead, they inform customers of the price only when asked.

Chicken trader Hasrullah Lamodo, 30, said some traders were in a fix when it came to setting the price as their suppliers charged them RM9 per kg of fresh chicken.

He said the prices charged by the suppliers had made some traders unable to comply with the set ceiling price.

"Traders are charged RM9 per kg of fresh chicken, which includes transportation charges that cost RM1 per kg.

"We have never been charged transportation costs until the government enforced the controlled price on Feb 5.

"So how can traders sell fresh chicken at RM8.90 per kg, in compliance with the ceiling price, when we are charged RM9 per kg?" he said yesterday.

The trader said consumers, as well as food traders, were angry and agitated by these increases in fresh chicken prices.

"But we chicken traders cannot do anything as we, too, do not want to sell chicken at a loss.

"Even today (yesterday), we can see fewer customers buying chicken compared with before when chicken sales soared and (stock is) almost exhausted by noon.

"Today, many fresh chicken are left unsold," he said.

It was reported on Feb 5 that the Domestic Trade and Consumer Affairs Minister (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi announced the ceiling price of standard chicken to be sold at RM8.90 per kg in Peninsular Malaysia.

He was reported to have said that the ceiling price enforcement would take place for 121 days — from Feb 5 to June 5 — to ensure the stability of chicken and food prices.

Meanwhile, consumers were disappointed by the rising price of chicken.

*Nasi lemak* trader Kamal Mohd Atan, 58, said he was surprised to see that chicken was being sold between RM9.50 and RM10.50 per kg at wet market.

He and his wife had closed their *nasi lemak* business during Ramadan and were surprised to see the price of fresh produce, including poultry, rose sharply when they wanted to open their stall.

"My wife and I were contemplating about buying fresh chicken today (yesterday), seeing that the price had jumped between RM9.50 to RM10.50 per kg.

"We noticed that the price of fresh chicken had reached RM10.50 and we had to go to numerous markets to find lower prices.

"How can we run our business if the prices of raw materials are (this) high, especially when we are just small traders in stalls? We sell *nasi lemak* at RM5 per pack, and if the price goes up, our customers will be unhappy and go to others for *nasi lemak*," he said.

Housewife Marimah Ahmad, 47, said she was also shocked when the prices of major raw cooking materials, such as fresh chicken, increased sharply.

"My kids really like to eat chicken and they want a chicken-based menu every day.

"However, seeing the prices of fresh chicken at RM10.50 per kg causes me to buy my groceries prudently.

"I used to buy 2kg or 3kg of chicken at once, but these days (even) buying 1kg feels like a burden," she said.

WHEAT FLOUR SUPPLY STABLE

# Ministry: India's suspension of wheat exports won't affect us

**KUALA LUMPUR:** The government has given its assurance neither India's decision to suspend its wheat exports nor the ongoing Russia-Ukraine crisis will have an impact on Malaysia's wheat flour supply.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry said Malaysia did not source wheat from India.

"The country's wheat flour supply is not affected. Malaysia imports 80 per cent of wheat from Australia, and obtains the remaining from the United States, Canada and Ukraine.

"Therefore, India's ban on wheat exports, due to heatwaves triggered by extreme heat, will not impact our flour supply," the ministry said in a tweet yesterday.

The ministry said it had mobilised 2,200 staff to monitor and ensure that subsidised and non-subsidised flour supply remained stable in the market.

The ministry had previously raided business premises in several states after reports emerged that some traders were hoarding cooking oil and subsidised wheat flour.

India, on Saturday, had announced an immediate ban on wheat exports, following heatwaves triggered by extreme weather that affected crops, sending local prices soaring to a record high.

Following the ban, the global wheat price rose drastically, with the benchmark price for the commodity climbing up to 5.9 per cent in Chicago, with a similar hike seen in many countries.

Based on a survey with traders previously, wheat flour supply in Malaysia remained stable. However, the price for the staple food item, especially non-subsidised flour, saw a sharp hike, particularly during the recent festive season.

Consequently, the prices of other food items that use wheat flour as its primary ingredient also saw a price hike.

Earlier, the government said the price hike involving imported food items, especially wheat flour, was difficult to control as the prices were determined by the source country.

Besides India's import ban, the Russia-Ukraine war has also disrupted the global wheat supply as Russia and Ukraine are among the world's major wheat producers.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/5/2022 | THE STAR | NATION | 3 |

# War and heatwave driving up wheat prices

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: Local traders are expecting a price hike and supply shock as global wheat prices soar to record highs as a result of a double whammy – the Russian-Ukraine war and India's ban on exports.

Supply shocks have already been evident in the global market following Russia's invasion of Ukraine, which is one of the largest wheat producers in the world.

A scorching heatwave in India – the world's second largest producer of wheat – has led to crops drying up and the Indian government banning exports of the commodity to meet domestic demand.

On Monday, global wheat prices shot up by close to 6% to hit a new high of 435 euros (RM2,009) per tonne.

Federation of Sundry Goods Merchants Associations of Malaysia President Hong Chee Meng said the prices of flour and items made of wheat will go up.

"The supply is very short now," he told *The Star*, adding that flour prices had already increased by 5% in January, while some variants saw an increase of between 7% and 11% after the first quarter.




He said the price increase would not only impact flour, but also products that use wheat as an ingredient, though he said it is too soon to gauge the extent of the increase at this juncture as the crisis is unfolding.

Meanwhile, Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Dr Ameer Ali Mydin said there is no shortage of flour at his retail chain at the moment.

"We have adequate supply for the next three months," he said, adding that it is hard to predict what will come in future.

Nevertheless, Ameer is anticipating a shortage in flour supply in the next three to six months as a result of the war in Ukraine and the rising prices of commodities.

"Flour for Malaysia primarily comes from Ukraine, Russia, Europe and the United States," he said, adding that when there is a shortage of supply, countries will start hoarding.

On India's front, he said the supply of Atta flour or wholemeal wheat flour, which is used to make items such as chapati or Indian flatbread, is likely to be affected.

He also noted that the consumption of Atta flour in Malaysian is not widespread, adding that Malaysians generally consume more rice than wheat.

He explained that apart from the global factors, the issue of flour supply in the local market began two weeks before Hari Raya due to higher demand for Raya treats, compared to previous years, with businesses caught off-guard as they did not anticipate such a high demand.

"I think that is firstly, a Raya phenomenon," he said, adding some traders may not be able to restock following the long holidays.

Ameer urged the public not to panic unnecessarily, saying the movement of prices is determined by market forces.

He also urged the government to limit its intervention using price control mechanisms and to allow market forces to operate.

"If suppliers cannot increase prices, we will have severe shortages.

"It is better to allow a free market, at least the items will be available. Of course, prices will go up, but availability is more important than prices. The government can use its targeted subsidies mechanism to help the B40 groups," he added.

Meanwhile, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry said in a Facebook post that Malaysia's wheat flour supply will not be disrupted due to India's ban on exports.

It added that 80% of Malaysia's wheat comes from Australia, while the rest comes from the United States, Canada and Ukraine.

The ministry added that its 2,200 enforcement officers would monitor the situation to ensure there is a stable supply of subsidised and non-subsidised wheat flour.